

HALANGAN-HALANGAN KEPADA USAHA MEMUPUK KREATIVITI DI KALANGAN PELAJAR

Mohamad Mohsin Bin Mohamad Said & Nasruddin Yunus

Abstrak: *Kreativiti merupakan antara aspek kemahiran modal insan yang penting. Namun, kajian lepas menunjukkan bahawa sebahagian besar guru di Malaysia tidak berusaha memupuk kreativiti pelajar dalam bilik darjah. Sebaliknya, kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat tindakan dan tingkah laku guru dalam bilik darjah yang melumpuhkan kreativiti pelajar. Artikel ini cuba menghuraikan beberapa halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha mereka memupuk kreativiti para pelajar dalam bilik darjah. Antara halangan yang dibincangkan ialah halangan dari sudut system pendidikan, tingkah laku pengajaran guru dalam bilik darjah dan raka sebaya.*

Kata kunci: kreativiti, halangan, pelajar

Pendahuluan

Kepentingan kreativiti dalam membangunkan masyarakat dan negara telah lama disedari (Storm & Storm, 2002). Para pemimpin, ahli perniagaan, saintis, ahli sejarah, pendidik dan ahli psikologi menyatakan bahawa kreativiti sangat diperlukan untuk kelangsungan hidup penduduk di dalam sesebuah negara terutamanya dalam era globalisasi di mana perubahan, cabaran, dan persaingan sedang dan akan terus berlaku. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dan berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, keperluan kepada kreativiti rakyatnya adalah lebih mendesak. Perkembangan ekonomi yang berlaku akibat daripada perubahan dasar kerajaan yang kini lebih mementingkan sektor industri, teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan telah mengubah dan akan terus mengubah taraf dan corak kehidupan masyarakat keseluruhannya.

Perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi dan komunikasi telah memberikan kesan kepada cara hidup penduduk Malaysia. Penduduk Malaysia kini telah mengamalkan cara hidup yang lebih canggih dan oleh itu keperluan mereka kepada latihan dan pendidikan serta kreativiti turut meningkat kerana mereka memerlukan banyak bimbingan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan yang berlaku. Sebagai contohnya, perkembangan dalam bidang perbankan dengan menggunakan kecanggihan teknologi komputer telah membolehkan sistem perbankan selama dua puluh empat jam dijalankan. Namun begitu, kecanggihan ini memerlukan penduduk Malaysia memperkembangkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai teknologi maklumat agar mereka dapat memanfaatkan kemudahan perbankan yang disediakan.

Selain daripada itu, isu antarabangsa seperti globalisasi atau pensejagatan dunia turut mempengaruhi cara hidup masyarakat Malaysia. Menurut Lee, (2002) globalisasi merujuk kepada kesemua proses-proses dalam mana kesemua penduduk dunia digabungkan menjadi satu masyarakat dunia. Menurut beliau lagi dengan membuka ekonominya kepada pasaran global, Malaysia telah berjaya menarik begitu banyak pelaburan asing untuk datang melabur. Perkembangan ini memerlukan pendidikan dan latihan tenaga kerja yang boleh bersaing di peringkat ekonomi antarabangsa. Untuk berdaya saing di peringkat antarabangsa tenaga kerja kita bukan sahaja perlu memiliki kemahiran dan pengetahuan yang tinggi bahkan mereka juga perlu memiliki daya kreatif yang tinggi agar mereka dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang semakin kompleks dalam pekerjaan mereka (Lee, 2002).

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad dalam satu ucapan ketika majlis makan malam anjuran Akademi Sains Malaysia telah mencabar komuniti para saintis di Malaysia agar dapat melahirkan seorang pemenang hadiah nobel di kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2020 (Sachi, 2004). Beliau juga berpendapat bahawa generasi pewaris yang hidup dalam abad ke-21 perlu berfikir kreatif dan kritis di samping bersifat kaya maklumat serta maju dalam bidang sains dan teknologi. Menurut Ikhsan dan Norila (2005) pula, usaha bagi menggalakkan para pelajar kearah berfikir secara kreatif dan kritis mestilah dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi kerana peringkat ini dianggap sebagai masa yang paling sesuai untuk meletakkan batu asas bagi pelaksanaan pendidikan seterusnya. Maka adalah penting kajian-kajian mengenai kreativiti ditumpukan kepada tahap sekolah rendah

Ketika Guilford menggesa supaya kajian mengenai kreativiti diperbanyak dan diperdalamkan lagi pada tahun 1950, masyarakat ketika itu menganggap kreativiti sebagai satu set ciri-ciri individu yang istimewa seperti personaliti, kemampuan kognitif, motivasi dan kemahiran berfikir secara divergen (Niu & Sternberg, 2003). Kesedaran mengenai pentingnya faktor persekitaran seperti keluarga, masyarakat, pendidikan dan budaya terhadap kreativiti hanya timbul semenjak dua dekad yang lalu (Niu & Sternberg, 2003). Di antara faktor-faktor persekitaran tersebut, pendidikan dianggap paling berkuasa untuk mempengaruhi kreativiti seseorang individu itu (Aaser, 1993). Di samping itu, pendidikan juga dianggap sebagai faktor yang boleh dikawal oleh masyarakat berbanding faktor-faktor yang lain (Levine, 1996). Justeru itu ramai cendiakiawan termasuklah para pendidik, ahli psikologi, dan ahli politik telah mempersoalkan peranan yang telah dimainkan oleh elemen-elemen penting dalam pendidikan seperti kurikulum, sekolah dan lebih khusus lagi para guru dalam membangunkan kreativiti, kemahiran, sikap dan kemampuan pelajar (Levine, 1996).

Kreativiti dan Sistem Pendidikan Negara

Di Malaysia, Kementerian Pelajaran telah melakukan pelbagai inovasi dalam bidang kurikulum supaya pendidikan dapat berubah selari dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat sama ada dalam atau luar negara. Di antara inovasi dalam bidang kurikulum yang telah dijalankan ialah penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dalam tahun 1982 yang telah diperkenalkan sebagai suatu projek perintis di 305 buah sekolah. Menjelang tahun 1988 semua bilik darjah di sekolah rendah di seluruh negara telah mengikuti kurikulum baru ini (Abdullah Sani Yahaya, 2003). Pada tahun 1993 iaitu setelah hampir sepuluh tahun pelaksanaannya Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah dikaji semula dan dipertingkatkan kualitinya serta diubah namanya kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KBSR kemudiannya telah diikuti dengan penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang digubal berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (1988) dan turut juga memberikan penekanan ke arah pemupukan potensi individu secara menyeluruh.

Salah satu objektif KBSR ialah untuk mengembangkan dan meningkatkan daya pemikiran kreatif pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Oleh itu banyak pembaharuan telah diperkenalkan yang menjadikannya lebih mesra kreativiti berbanding dengan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR). Salah satu aspek pembaharuan yang diberikan perhatian yang serius dalam KBSR yang membantu kearah meningkatkan daya pemikiran kreatif pelajar ialah aspek pembaharuan dalam gaya pengajaran guru. Sebagai contohnya, dalam KBSR gaya pengajaran guru yang berpusatkan murid adalah ditekankan berbanding KLSR yang lebih berpusatkan guru (Ikhsan & Norila, 2005). Ini adalah kerana murid-murid seharusnya diberikan banyak ruang dan peluang untuk mengalami proses pertumbuhan dan perkembangan dengan cara yang sihat (Ikhsan & Norila, 2005).

Walaupun pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membantu guru mengembangkan kreativiti pelajar, namun kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa para guru gagal meningkatkan kreativiti pelajar dalam bilik darjah. Salah satu kajian tersebut ialah kajian yang telah dijalankan oleh Balakrishnan (2002). Matlamat kajian oleh Balakrishnan (2002) ini ialah untuk mengenalpasti persediaan dan pelaksanaan seseorang guru menerapkan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) di dalam mata pelajaran sejarah KBSM Tingkatan Empat.

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian yang merangkumi penelitian ke atas perancangan dan persediaan buku rekod mengajar guru, pemerhatian ketika pengajaran berlangsung dan temu bual dengan guru yang terlibat. Populasi kajian terdiri daripada 16 orang guru siswazah KBSM Tingkatan Empat di daerah Tampin dan Rembau, Negeri Sembilan. Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru siswazah kurang melaksanakan penerapan KBKK sama ada semasa merancang sesuatu pengajaran ataupun tatkala pelaksanaan sesuatu pengajaran. Mereka juga didapati kurang melaksanakan unsur-unsur KBKK menerusi teknik penyoalan, penggunaan alat bantuan mengajar serta menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kesemua guru terlibat pernah menghadiri kursus KBKK yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran tetapi dari segi pelaksanaan mereka masih lagi kurang yakin.

Idris Aman (2002) pula telah menjalankan satu kajian yang menganalisa wacana pedagogi beberapa buah sekolah di Malaysia melalui perakaman audio sepuluh aktiviti pembelajaran yang berlaku di bilik-bilik darjah. Hasil daripada analisa tersebut beliau telah menyimpulkan bahawa guru bukan sahaja mengawal dan menguasai suasana pembelajaran dalam bilik darjah bahkan guru juga banyak mengemukakan soalan-soalan tertutup. Kajian-kajian menunjukkan bahawa agak sukar untuk memupuk kreativiti kiranya guru sahaja yang mengawal dan menguasai suasana pembelajaran dalam bilik darjah. Untuk memupuk kreativiti dalam bilik darjah interaksi guru dengan pelajar mestilah dua hala (Hamza & Farrow, 2000). Guru tidak seharusnya mendominasi dan mengawal aktiviti pembelajaran tetapi pelajar juga harus memainkan peranan yang aktif di samping memberikan maklum balas. Selain daripada itu, soalan-soalan tertutup adalah soalan yang memerlukan pelajar memberikan satu jawapan yang betul dan tepat. Biasanya bila menjawab soalan-soalan tertutup, pelajar banyak menggunakan pemikiran konvergen iaitu pemikiran yang logik, sistematik, berstruktur dan tidak menggunakan daya imaginasi. Oleh kerana itu soalan-soalan tertutup tidak membantu dalam meningkatkan daya kreativiti pelajar.

Selain daripada kajian-kajian, terdapat juga sungutan daripada pelbagai pihak bahawa dalam pelaksanaan KBSR terdapat tanda-tanda bahawa teknik pengajaran mulai berpatah balik kepada cara lama iaitu pengajaran secara kelas masih diamalkan sepanjang waktu (Omar Mohd. Hashim, 1991). Kemudian, ketua Nazir sekolah, Jemaah Nazir Sekolah (JNS) Kementerian Pendidikan, Nik Faizah Mustapha berkata “dapatan JNS mendapati guru kurang yakin serta kurang keupayaan untuk melaksanakan KBSR dan KBSM secara total”. Menurut beliau lagi “setiap tahun JNS memeriksa antara sepuluh ribu hingga dua puluh ribu guru mengajar dan daripada jumlah itu lebih 90% guru yang diperiksa telah didedahkan dengan suatu kursus latihan KBSR atau KBSM. Bagaimanapun kursus-kursus tersebut kurang berkesan kerana terdapat guru yang kurang berpegetahuan dan kurang cekap dalam memupuk kreativiti pelajar”. Tambah beliau lagi “hanya segelintir guru yang merancang terlebih dahulu penerapan nilai murni, kandungan mata pelajaran, aspek bahasa, aplikasi dalam kehidupan seharian dan sebagainya (Utusan Malaysia 5 September, 1996). Kita dapat membuat kesimpulan bahawa sekiranya aspek yang penting dalam pengajaran seperti kandungan mata pelajaran tidak dirancang oleh sebahagian besar guru, apatah lagi aspek yang dianggap sebagai kesan sampingan sahaja seperti memupuk pemikiran kreatif para pelajar.

Halangan-halangan kepada Usaha Memupuk Kreativiti Dalam Bilik Darjah

Terdapat pelbagai halangan yang dihadapi dalam usaha kita untuk memupuk kreativiti dalam bilik darjah. Bagi memudahkan perbincangan, penulis akan memberikan tumpuan hanya kepada halangan dalam persekitaran sekolah seperti sistem pendidikan, guru dan rakan sebaya. Pada pandangan penulis ketiga-tiga aspek ini telah menyumbangkan saham yang penting dalam membantutkan usaha ke arah memupuk kreativiti.

Kerajaan Malaysia melalui kementerian pelajaran telah memperkenalkan Falsafah Pendidikan Negara dalam akta Pendidikan 1996. Menurut Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Namun sesudah lebih sepuluh tahun, matlamat murni kerajaan untuk melahirkan insan seimbang masih belum tercapai sepenuhnya. Salah satu faktor yang menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat tersebut ialah sistem pendidikan kita yang secara umumnya masih lagi berorientasikan peperiksaan. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan juga merupakan penghalang utama kepada usaha memupuk kreativiti dalam bilik darjah.

Yong (1989) berpendapat bahawa walau pun pelbagai usaha telah dijalankan untuk memajukan proses pengajaran guru, sekolah masih lagi cenderung untuk menghasilkan para pelajar yang berorientasikan peperiksaan. Walaupun dalam KBSR dan KBSM telah dinyatakan bahawa fungsi peperiksaan dan penilaian bukan sahaja untuk menentukan taraf pencapaian pelajar tetapi juga untuk membantu memperbaiki lagi proses pengajaran-pembelajaran di bilik darjah tetapi hakikat sebenarnya ialah penekanan pembelajaran di sekolah masih lagi tertumpu kepada fakta-fakta untuk dihafal dan seterusnya digunakan dalam peperiksaan, lantaran itu aspek pemikiran sama ada kreatif atau kritis dipinggirkan.

Selain daripada itu, penekanan kepada peperiksaan terutamanya peperiksaan piawai bagi keseluruhan pelajar di akhir tahun KBSR dan KBSM juga telah menyebabkan guru lebih cenderung untuk melaksanakan proses pengajaran yang berpusatkan guru kerana kaedah pengajaran yang berpusatkan guru terbukti lebih berkesan untuk menghasilkan pelajar yang akan mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan (Toh, 2003). Seterusnya, guru yang berjaya menghasilkan bilangan pelajar yang ramai mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan biasanya akan dilihat sebagai guru yang berkesan (Toh, 2003). Disebabkan itu guru mendapati sukar untuk mengadaptasikan diri dengan KBSR dan KBSM yang berpusatkan pelajar kerana mereka begitu menghayati kaedah pengajaran yang lama yang lebih berpusatkan guru. Kesan negatif penekanan terhadap peperiksaan terhadap pembangunan kreativiti pelajar begitu mendalam sekali, sehinggakan Yong (1989) tanpa ragu-ragu telah menyatakan ... *“this emphases have taken a heavy toll on the creativity of Malaysia students”* (m.s. 20).

Gardner (1991) menyatakan bahawa tempoh umur antara dua hingga tujuh tahun merupakan tempoh yang kritikal untuk kreativiti diluahkan. Walau bagaimanapun sebaik sahaja pelajar memasuki alam persekolahan mereka menjadi kurang inovatif dan lebih berhati-hati. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila mereka kemudiannya berubah daripada menjadi pemain kepada penonton dalam bilik darjah (Dacey & Lennon, 1998). Perkara ini berlaku kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang sehala dan dikawal oleh guru ini menjadikan para pelajar pasif menerima sahaja maklumat yang diberikan oleh guru. Adalah amat malang sekali apabila kajian-kajian oleh para penyelidik menunjukkan bahawa para guru, rakan sebaya dan sistem pendidikan secara keseluruhannya merupakan penghalang utama kepada kecenderungan para pelajar untuk meluahkan daya kreativiti mereka.

Sternberg & Lubart (1995) pula berpendapat bahawa persekolahan juga menghalang kreativiti dengan menanamkan ke dalam diri para pelajar sifat toleransi yang rendah terhadap kegagalan. Ini menjadikan para pelajar takut mengambil risiko. Sikap takut mengambil risiko ini mula berkembang

dalam bilik darjah apabila kegagalan sering dibalas dengan celaan atau dendaan manakala kejayaan dalam bentuk hasil kerja yang baik sering dibalas dengan pujian atau ganjaran (Dacey & Lennon, 1998). Tambah Dacey & Lennon (1998) lagi, kegagalan mungkin menyebabkan pelajar perlu melakukan tugas pembaikan atau mungkin merasa malu kerana dilihat sebagai seorang yang bodoh. Ini menyebabkan mereka selalu mengambil jalan yang selamat dan tidak melakukan sesuatu yang mencabar diri mereka. Sebagai contohnya, apabila mereka berjaya memasuki ke Institut Pengajian Tinggi, mereka akan cenderung memilih mata pelajaran yang mudah dan bukannya mata pelajaran yang mencabar mereka. Hakikat ini kemungkinan besar boleh melumpuhkan kreativiti mereka kerana untuk menjadi seorang yang benar-benar kreatif, individu perlu mengambil risiko yang berpadanan dengan kemampuan sebenar mereka (Sternberg & Lubart, 1995).

Di samping itu kajian-kajian di beberapa negara Asia menunjukkan bahawa para guru cenderung untuk tidak menyukai ciri-ciri personaliti pelajar yang berkaitan dengan kreativiti (Ng & Smith, 2004). Menurut MacKinnon (1963), antara ciri-ciri personaliti individu kreatif termasuklah berazam, bebas, suka mengambil risiko, impulsif dan individualistik. Kajian oleh Westby & Dawson (1995) menunjukkan bahawa ciri-ciri yang dipaparkan tadi tidak digemari oleh para guru. Sebaliknya kajian menunjukkan bahawa para guru lebih menyukai ciri-ciri personaliti pelajar seperti bertanggungjawab, boleh diharapkan, ikhlas, suka bertoleransi dan boleh dipercayai. Menurut kajian yang dijalankan oleh MacKinnon (1963), ciri-ciri personaliti tersebut mempunyai kaitan dengan tahap kreativiti yang rendah. Oleh itu, guru kebiasaannya tidak menyukai bilik darjah yang pelajaranya terdiri daripada individu yang kreatif. Ini adalah kerana guru berpendapat bilik darjah tersebut sukar dikawal dan diurus. Sebaliknya guru lebih suka kepada bilik darjah yang para pelajaranya terdiri daripada individu yang pengakur dan baik kerana mereka senang dikawal dan diurus. Disebabkan ciri-ciri personaliti kreatif dipandang negatif oleh para guru, mereka cenderung untuk melatih pelajar-pelajar tersebut untuk menjadi taat dan pengakur. Perkara ini sekaligus boleh melumpuhkan daya kreativiti pelajar kerana aspek personaliti merupakan salah satu aspek kreativiti yang penting.

Satu lagi elemen penting yang boleh memberikan kesan negatif kepada daya kreatif pelajar ialah rakan sebaya. Torrance (1968) melalui kajiannya mendapati markah kreativiti bagi pelajar menjadi rendah secara konsisten selepas tahun empat. Beliau turut mendapati bahawa punca kepada penurunan aras kreativiti ini adalah kerana tekanan agar mereka akur kepada rakan sebaya meningkat. Selain daripada itu, Amabile (1996) seorang penyelidik dalam bidang psikologi sosial dan kreativiti turut berpendapat bahawa rakan sebaya merupakan penghalang utama yang menyebabkan para pelajar enggan mengambil risiko serta meluahkan idea kreatif.

Peranan Guru Dalam Meningkatkan Kreativiti Pelajar

Shallcross (1981), menyarankan agar guru menyediakan iklim persekitaran yang membantu pembangkitan tingkah laku kreatif di kalangan pelajar. Untuk itu tambah beliau lagi, guru perlu mengambil kira tiga faktor utama iaitu fizikal, mental dan emosi. Iklim fizikal merujuk kepada susunan fizikal bilik darjah yang akan menyokong segala aktiviti yang akan dijalankan. Salah satu aspek fizikal yang perlu diambil kira ialah penyediaan ruang untuk aktiviti yang berbeza. Iklim mental atau intelektual pula merujuk kepada pelbagai jenis rangsangan dan cabaran untuk disesuaikan dengan keperluan tindak balas pelajar. Namun begitu, iklim fizikal dan iklim intelektual yang sesuai sahaja masih tidak mendatangkan apa-apa kesan seandainya iklim emosional tidak menyokong kedua-duanya. Iklim emosional yang menyokong bermaksud memberikan pelajar keselamatan peribadi untuk bereaksi terhadap rangsangan fizikal dan intelektual yang para guru sediakan di hadapan mereka.

Berbeza dengan Shallcross (1981), Cropley (2001), pula menekankan tiga aspek yang terdapat dalam diri pelajar iaitu kognitif, personaliti dan motivasi. Penekanan terhadap aspek kognitif pelajar bermaksud guru meningkatkan kemahiran menganalisa, kemampuan untuk mendefinisikan masalah dan

kebolehan untuk merancang pembelajaran sendiri para pelajarnya. Penekanan terhadap aspek personaliti pula bermaksud guru mempromosikan ciri-ciri personaliti seperti autonomi, toleransi terhadap kekaburan dan kecenderungan untuk memikirkan perkara-perkara yang kompleks. Akhirnya, penekanan terhadap aspek motivasi pula menitikberatkan kepada usaha guru untuk memupuk perasaan ingin tahu, kebebasan daripada didominasi oleh ganjaran luaran, kesediaan untuk mengambil risiko pada diri pelajar-pelajarnya.

Menurut Soh (2000) pula, seorang guru itu boleh secara langsung menggalakkan kreativiti melalui interaksinya dengan pelajar dengan memberi ganjaran terhadap usaha dan penghasilan yang kreatif. Tambah beliau lagi guru juga boleh menggalakkan kreativiti secara tidak langsung dengan mengadakan persekitaran sosial yang menyokong kreativiti melalui perkataan dan tingkah lakunya. Renzulli (1992) pula menyatakan bahawa guru boleh menjadi model kepada tingkah laku kreatif dengan berkongsi penghasilan peribadi mereka yang kreatif bersama-sama pelajar.

Tan (2001) pula mencadangkan satu pendekatan pengajaran yang lebih berpusat kepada pelajar. Cadangan ini dibuat berdasarkan andaian bahawa persekitaran yang bebas, luwes dan terbuka diperlukan untuk merangsang kreativiti. Pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar akan merangsang keseronokan, penglibatan dalam aktiviti bilik darjah, konsep-kendiri dan bakat pelajar (Tan, 2001). Menurut Cropley (1997) pula dalam pengajaran berpusatkan pelajar ini guru sangat menilai dan mempromosikan tingkah laku pelajar seperti ketekunan, ketabahan, semangat ingin tahu, suka menghadapi cabaran, suka mengambil risiko dan keazaman yang tinggi.

Mazhab kognitif dalam psikologi pula memperkenalkan “pengajaran kreatif” sebagai satu cara untuk merangsang kreativiti pelajar (Mayer, 1983). Pengajaran kreatif merujuk kepada teknik-teknik pengajaran yang bermatlamat untuk membantu pelajar mempelajari sesuatu bahan pengajaran dengan cara yang membolehkan pelajar memindahkan apa yang telah mereka pelajari kepada masalah baru untuk menyelesaikan masalah baru tersebut (Mayer, 1983). Dalam perkataan lain, pada pandangan mazhab kognitif pengajaran kreatif berlaku apabila guru mengajar sesuatu mata pelajaran dengan cara yang dapat membantu pelajar memindahkan apa yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah baru dengan cara yang kreatif.

Kesimpulan

Pada mulanya kreativiti dianggap memainkan peranan penting hanya dalam bidang seni dan sastera sahaja. Namun kini para penyelidik mendapati kreativiti turut memainkan peranan penting dalam bidang-bidang pentadbiran, perniagaan, keusahawanan, sains, metamatik, seni bina, kejuruteraan dan sukan. Perkembangan ini menyebabkan usaha untuk memupuk kreativiti di peringkat sekolah dianggap sebagai sangat mendesak dan penting. Dalam dunia penuh persaingan global ketika ini, memiliki pengetahuan dan kepintaran yang tinggi tidak memadai. Pengetahuan dan kepintaran tersebut mesti disertai dengan kreativiti agar pelajar kita dapat bersaing di peringkat global apabila mereka dewasa nanti. Akan tetapi usaha ke arah pemupukan kreativiti pelajar ini akan terbantut seandainya halangan-halangan terhadap pemupukan kreativiti tidak diatasi terlebih dahulu.

Rujukan

- Aasar, S. E. (1993). Human Potential: An Exploration of the Role of Creativity from an Arab Perspective. In Isaksen, S. G., Murdock, M. C., Firestein, R. L., & Treffinger, D. J. (Eds), *Understanding and Recognizing Creativity: The Emergence of A Discipline*, 454-465. NJ: Ablex Publishing.
- Abdullah Sani, Y. (2003). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

- Amabile, T.M. (1996). *Creativity in Context, Update to The Social Psychology of Creativity*. Colorado: Westview Press, Inc.
- Balakrishnan, G. (2002). Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis Dalam Matapelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 4 Satu Kajian Kes di daerah Tampin dan Rembau, Negeri Sembilan. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cropley, A. J. (2001). *Creativity in Education and Learning a guide for Teachers and Educators*. London: Kogan Page Limited.
- Csikszentmihalyi, M. (1996). *Creativity: Flow and the Psychology of Discovery and Invention*. New York: HarperPerennial.
- Dacey, J. S. & Lennon, K. H. (1998). *Understanding Creativity: The Interplay of Biological, Psychological and Social Factors*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers
- Goh, C. T. (1997). Shaping our future: Thinking schools and a learning nation. Prime Ministers's speech at the opening of the 7 International Conference On Thinking (2 June), *Speeches*, 21(3) 12-20.
- Hamza, M. K., & Farrow, V. (2000). Fostering Creativity and Problem Solving in the Classroom. *Kappa Delta Pi Record*, 37 (1), 33-35.
- Idris, A. (2002). Analisis Wacana Pedagogi Di Sekolah: Satu Kajian Kes. *Laporan Teknik Penyelidikan SK/4/2002*. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ikhsan, O., & Norila, M. S. (2005). *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah, Aspek-aspek yang Berkaitan*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Levine, J. C. (1996). Personal Creativity and Classroom Teaching Style of Second Year Inner School Teacher. Doctor Of Philosophy, Fordham University.
- MacKinnon, D. (1978). *In search of human effectiveness: Identifying and developing creativity: Buffalo*, NY: Creative Education Foundation.
- Mayer., R. E. (1983). Cognitive views of Creativity: Creative teaching for creative learning. *Contemporary Educational Psychology*, 14. 203-211.
- Ng, A. K. (2004). *Liberating The Creative Spirit In Asian Students*. Singapore: Prentice Hall.
- Niu, W., & Sternberg, R. J. (2003). Societal and School Influences On Student Creativity: The Case of China. *Psychology in the Schools*, 40 (1), 103-114.
- Omar Mohd Hashim, (1991). *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Palaniappan, A. K. (1993). Preliminary study of the bilingual version of Khatena-Torrance Creative Perception Inventory. *Perceptual and Motor Skills*, 77, 948-950.
- PPK, Pusat Perkembangan Kurikulum.
http://www.ppk.kpm.my/html/about%20cdc/about_per.htm (2003).
- Rosnani Hashim, & Suhailah Hussein (2003). *The Teaching Of Thinking In Malaysia*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Sachi, S. (2004). *Win The Noble Prize: The Malaysian Challenge*, Kuala Lumpur: CST.
- Shallcross, D. J. (1981). *Teaching Creative Behavior: How to Teach Creativity to Children of All Ages*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Soh, K. C. (2000). Indexing Creativity Fostering Teacher Behavior: A Preliminary Validation Study. *Journal of Creative Behavior*, 34 (2), 118-134.
- Sternberg, R. J., & Lubart, T. I. (1991). An investment theory of creativity and its Development. *Human Development*, 34, 1-31.
- Strom, R. D., & Storm, P. S. (2002). Changing the Rules: Education For Creative Thinking. *Journal of Creative Behavior*, 36 (3), 183-199.
- Toh, W. S., (2003). Student-Centered Educational Beliefs and Teacher Education. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 4, 20-22.
- Torrance, E. P. (1971). *Encouraging Creativity In The Classroom*. Iowa: WM. C. Brown Company Publishers.
- Torrance, E. P. (1972). Can We Teach Children To Think Creatively? *Journal of Creative Behavior*, 6, 236-262.

- Torrance, E. P. (1995). Insight About Creativity: Questioned, Rejected, Ridiculed, Ignored. *Educational Psychology Review*, 7(3), 313-322.
- Torrance, E. P. & Safter, T. H. (1990). *The incubation model of teaching*. Buffalo, NY: Bearly Limited.
- Westby, E. L., & Dawson, V. L. (1995). Creativity: Asset or burden in the Classroom? *Creativity Research Journal*, 8(1), 1-10.
- Yong, L. M. S. (1988). A Study of Creativity and its Correlates among Form Four Pupils. Tesis Doktor Falsafah , Universiti Malaya.

FUGUAI MAPPING: A USEFUL METHOD FOR PROBLEM SOLVING

Wan Hasrulnizzam Wan Mahmood & Ilyana Abdullah

Abstract : *Fuguai in Japanese means abnormality. Abnormality refers to unnecessary elements located at wrong places or situations. In most conditions, abnormality affects physical, functional and safety problems especially in machines. This paper discusses the application of Fuguai Mapping in order to identify the abnormality in grinding machine as a preventive action to sustain the machine condition. This study shows that many abnormalities are found. As a result, most of the abnormalities in the machine are reduced so as to improve the machine efficiency.*

Keywords: *Fuguai Mapping; Grinding Machine; Problem Solving*

Introduction

Most industrial production systems are subject to deterioration with usage and age. Such system deterioration lead to higher production costs and lower product quality and the increased possibility of breakdown. Therefore, a well-planned maintenance management program is important to reduce costly breakdowns. In some cases, system failure leads to uncountable costs, for example, the failure of an airplane engine during flight may bring property damage and loss of life. Therefore, extensive maintenance is necessary to improve the system availability.

Total Productive Maintenance (TPM) is a proactive and cost-effective approach to equipment maintenance which is widely adopted in Japanese industries with successful results [1]. The successful implementation of TPM depends on a number of factors, such as a culture of mutual trust, operators agreeable to providing basic care to their machines, and maintenance personnel trained in management and people skills.

One of the TPM Pillars is Autonomous Maintenance (AM) also called *Jitshu Hozen* (JH) in Japanese. The success of TPM, to a large extent, depends upon the success of AM. This pillar is geared towards developing operators who are able to take care of small maintenance tasks, thus freeing the skilled maintenance people to spend time on more value added activity and technical repairs. The operators are responsible for upkeep of their equipment to prevent them from deteriorating [3].

Grinding machine is extensively used in the Machine Shop Laboratory in University Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) to perform the task given especially in the manufacturing practice subject. This machine is exposed to breakdown if it is not well maintained. Maintenance and machine could not be separated from each other. The machine needs maintenance as humans need water. Daily maintenance, although is simple could improve the effectiveness and expand the life time of the machine. This paper emphasizes on the application of *fuguai* mapping to identify abnormalities towards autonomous maintenance programme and problem solving method.

Grinding Machine

Grinding is a chip removal process that uses individual abrasive grains as the cutting tool [4]. A grinding machine is a machine tool used for producing very fine finishes or making very light cuts, using an abrasive wheel as the cutting device. Malkin and Guo [5] define that grinding is an essential process for final machining of components requiring smooth surfaces and precise tolerances. As compared with other machining processes, grinding is a costly operation that should be utilized under optimal conditions.

For this paper, grinding machine (Model: BO 300A) is selected for case study (see appendix (figure 5) for orthographic drawing). The grinding machine (Model: BO 300 A) is double wheeled, has single speed, is circumferential and is designed for manual grinding of metal parts. Its spindle is seated in two double-row swivel bearings, clamped in screw bodies, driven by electric motor over two pair V-belts. Starting and stopping follows through push buttons. The grinding machine is equipped with adjustable rests, regulator and safety glass plates. It has a suction plant, puts off surface and anchoring and is delivered with standard accessories.

The technical data of Grinding Machine BO 300 A is shown in Table 1.

Table 1: Technical Data of Grinding Machine

Specifications	
External and internal diameter and width of grinding wheels	300 / 76 - 40 mm
Wheel spindle speeds	1600 Rev / min
Outputs and revolutions of the main driver motor	2.2, 1440 kW, rev / min
Max. noisiness of the machine	78 dB
Weight of the machine	130 kg
Weight of the machine with standard equipment and packing	160 kg

Fuguai Mapping

Fuguai is a Japanese word which means contamination or abnormalities. Fuguai mapping is a machine map used to differentiate abnormalities in the focus area on the selected machine which normally covers the front of the machine, right view, left view, over view, back view, and base. However, this study only focusses on three main areas of a grinding machine. They are the front, right and left view (see appendix (figure 6) for details). To perform fuguai identifications (data collection), fuguai tag (F-Tag) was used. Patra *et. al.* [6] stated that employees have the ability to “detect abnormality” with regard to services and equipment, based on a feeling that “there is something wrong” on work. This is a continuous cycle and fuguai tags are used for abnormality identification. This step is absolutely vital for proper improvement of productivity.

F-Tag

Fuguai tag is used to represent the big eyes. There are two types of fuguai tag, red tag and yellow tag. Red tag is used to represent fuguai which requires highly technical knowledge while yellow tag is used for simple fuguai which does not require highly technical knowledge. Figure 1a and 1b are examples of fuguai tag which are used for data collection. The following are the descriptions of the items on the fuguai tag.

Figure 1a: Red tag is for technical requirement

Figure 1b: Yellow tag is for self maintenance which does not need highly technical knowledge

1. **Physical:** abnormalities on the machine that can be seen by the naked eyes, not hazardous but important to pay attention to.
2. **Function:** abnormalities on the part of the machine that could lead to the machine / the part of the machine that does not perform its function.
3. **Safety:** abnormalities on the machine that could lead to hazard and danger to the user.
4. **Contents:** the detailed explanation about the *fuguai*.
5. **Date:** the date when the *fuguai* happened must be stated in this column for analysis purpose.
6. **Machine:** stating the name of the machine makes analysis, detection or maintenance easier when a particular machine is in *fuguai*.

For data collection, inspection checklist is applied. Table 2 describes the inspection checklist for data collection. Table 2: Inspection checklist for Grinding Machine (Model: BO 300A)

No	Inspection Description	Remark
1	Look: Does it have chips or does the coolant contaminate the motor?	Yes
2	Listen: Are there any strange noises (whining? groaning? sound or slippage?) from the motor brake, or belts?	No
3	Touch while in operation: Is there any sound or vibration from the motor or brakes?	No
4	Turn off the machine, then touch again: Are safety guards fastened securely?; Are the motor and brake mounting bolts tight?	Yes Yes
5	Remove cover and verify: Are belt tensions satisfactory? Are belts or pulleys worn? Is there any play in the pulley set bolts or keys?	Yes No No

Result & Discussion

The result is based on a 7 week observation that has been performed on the selected grinding machine and only focuses on three main machine areas (front view; right view; left view) based on fuguai mapping. The following sub-titles will describe the analysis of fuguai.

Fuguai Characteristic

There are eight *fuguai* that have been identified on the Grinding Machine (Model: BO 300A) including dust, coolant spill, corrosion, cobweb, scratches, broken hose, misspelled label and misplace items (see table 3 for details). The declaration of criteria for each *fuguai* is important because when one *fuguai* is found, due to its characteristics, the *fuguai* could be classified to its class / type.

Table 3: The Standard type of *Fuguai*

Type of <i>fuguai</i>	Description
1. Dust	Minute solid particles with diameters less than 500 micrometers. Dry ferrous dust generated from grinding process.
2. Coolant spill	A coolant, or heat transfer fluid, is a fluid which flows through a device in order to prevent its overheating, transferring the heat produced. Coolants can quickly become contaminated with foreign materials, causing coolants to lose effectiveness and develop foul odours and colours.
3. Corrosion	Also known as rust. Breaking down of essential properties in a material due to reactions with its surroundings (a loss of an electron of metals reacting with water and oxygen). Affects metallic materials.
4. Cobweb	"Cobweb" is referred to a web inside a house, where dust has gathered on the sticky silk, forming long, hanging streamers.
5. Scratches	A thin shallow cut or mark on (a surface) with a sharp instrument.
6. Broken Hose	The condition of the hose is not in shape, broken at the end of the hose therefore the dust scattered around the dust collector
7. Misspelling Label	Example: the spelling of "PEDELSTAL" is wrong. It should be spelled as "PEDESTAL".
8. Misplaced item	The item that should not be placed on the area.

Analysis: Front view


For analysis purpose, bar charts and trend charts are used. The charts are used to summarise the results in a proper way for comparison and similarity analysis. Figure 2 represents the data collection for front view, Figure 3 for right view meanwhile Figure 4 represents the left view.

The *fuguais* have been divided into three categories; safety, physical and function. These categories are considered to clarify the *fuguai* status. Safety is considered the high risk *fuguai* which can affect the machine user. In addition, the safety *fuguai* may cause a hazardous factor which contradicts laboratory rules and regulations. One of the prominent *fuguais* for safety is coolant spill. A few of coolant spills are considered physical *fuguai*, besides when it become more serious, the coolant spill will be considered safety *fuguai* which may cause an accident and mistake on the machine. The other point is that, the coolant spill may cause functional *fuguai* when the liquid enters the wrong place on the machine.

According to Figure 2a, misplaced item and mislabelling are two types of major *fuguai* that are identified on the front of the machine. The result is similar for the right view and left view which states that misplacement and mislabelling are considered major *fuguai* (please see figure 3a and figure 4a). Through *fuguai* mapping, it can be seen that front view is a critical part that should be focussed. The result is expected since the machine users have to face the front of the machine which is always used for finishing purposes after performing other machining processes.

Figure 2b, 3b and 4b show the result of the overall *fuguai* / category. Based on the figures, it is evident that the physical *fuguai* is a major category of *fuguai* on the machine especially on the front side which contributes 55 *fuguais* out of a total of 77 *fuguais*, followed by safety and functional.

Figures 2c, 3c and 4c show the trend analysis on a 7 week fuguai observation on the machine. Through this study every identified fuguai in the previous weeks will be eliminated before proceeding to the next observation except the red tag fuguai which requires high-order skills and knowledge. This is very crucial to analyse the trend of the fuguai towards autonomous maintenance programme. The trend charts show that most fuguai are found on week 1 for all areas. Without machine user awareness on the machine maintenance and the fuguai, the physical fuguai was dramatically rising until week 5. However, it was steady decreased on week 6 and week 7. Furthermore, safety fuguai for the front of the machine is reduced. For functional fuguai, only 1 fuguai was found on the front and 1 on the right side. Unfortunately, the fuguai on the right side cannot be eliminated due to highly technical problem.



AREA2: RIGHT




Figure 3a: Overall Fuguai / Type




Figure 3b: Overall Fuguai / Category




Figure 3c: Fuguai / Week

AREA3: LEFT




Figure 4a: Overall Fuguai / Type




Figure 4b: Overall Fuguai / Category




Figure 4c: Fuguai / Week

Conclusion

In a nutshell, the researchers conclude that this study has proved that fuguai mapping is a very useful technique to overcome abnormalities. In addition, fuguai tag is also an important method to support the fuguai mapping in data collection. Without fuguai tag to represent the big eyes, the processes of fuguai identification becomes more difficult. The other point is that, to perform fuguai mapping, focus area should be relevant, precise and have the ability to represent the overall machine condition. For future studies, more machines should be selected as case study to demonstrate the effectiveness of the fuguai mapping towards fuguai elimination.

References

- Nakajima, S. (1988). Introduction to TPM. Portland OR: Productivity Press.
- Tsang, A. H.C. and Chan, P.K. (2000). TPM Implementation in China: A Case Study. International Journal of Quality & Reliability Management. Vol. 17 No. 2 pp. 144-157.
- Venkatesh, J. (2006). An Introduction to Total Productive Maintenance (TPM). [Online] Available: <http://www.plantmaintenanceresourcecenter.com/> [2007, July 9].
- Kalpakjian, S. and Schmid, S. R. (2001). Manufacturing Engineering and Technology. 4th Edition. London. Prentice Hall.
- Malkin, S. and Guo, C. (2007). Model Based Simulation of Grinding Processes. [Online] Available at: <http://www.abrasivesmagazine.com/mtext/product/Model Based Simulation.pdf> [2007, Sept 10] .
- Patra, N. K., Tripathy, J. K., and Choudhary B. K. (2005). Implementing the Office Total Productive Maintenance (“Office TPM”) Program: A Library Case Study. Library Review. Vol. 54 No. 7 pp. 415-424.

Wan Hasrulnizam Wan Mahmood, Ilyana Abdullah
Faculty of Manufacturing Engineering,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya,
75450 Melaka
Phone: +606-2332398, Fax: +606-2332414,
hasrulnizam@utem.edu.my

APPENDIX 1

FUGUAI MAPPING




Figure 5: Orthographic




Figure 6a: Area1 (Front)




Figure 6b: Area2 (Right)




Figure 6c: Area3 (Left)

PERLAKSANAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN (PBL DAN POPBL) BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR

Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh,

Syed Muhammad Dawilah al-Edrus & Abdullah Sulaiman

Abstrak: *Kualiti graduan yang dikeluarkan oleh universiti tempatan semakin diperkatakan termasuklah berkaitan persoalan kebolehasaran mereka di pasaran kerja serta kebolehan menguasai kemahiran-kemahiran asas insaniah. Mereka dikatakan tidak mampu untuk menunjukkan kebolehan-kebolehan yang amat diperlukan oleh sektor pekerjaan mahupun menguasai tahap kemahiran sosial dan akhlak yang berkesan dalam masyarakat. Beberapa faktor dikatakan menjadi penyebab kepada keadaan ini termasuklah keterlaluhan penumpuan diberikan kepada sistem peperiksaan bertulis dan proses pembelajaran pasif berpusatkan pensyarah. Kedua-dua faktor ini menyebabkan para siswazah tidak dapat menguasai ilmu dalam konteks yang bermakna kerana proses pembelajaran yang mereka lalui pada peringkat sekolah sehinggalah ke universiti adalah berbentuk “rote learning” atau pembelajaran yang menekankan kepada kebolehan daya ingatan melebihi daripada kebolehan daya berfikir dan bertindak. Bagi memperbaiki keadaan itu para pensyarah di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah melaksanakan kaedah PBL (Problem Based Learning - Pembelajaran Berasaskan Masalah) dan POPBL (Project Oriented Problem Based Learning - Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek) dalam proses pengajaran subjek-subjek kemanusiaan kepada pelajar teknikal dan kejuruteraan. Para pelajar bukan sahaja didedahkan kepada kaedah pembelajaran yang aktif dan berpusatkan pelajar bahkan juga didedahkan dengan pengalaman sebenar dalam masyarakat termasuklah membantu para mangsa banjir di Johor sewaktu banjir besar akhir tahun 2006 dan awal 2007. Kajian dan pemerhatian yang dijalankan terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah ini menunjukkan bahawa para pelajar telah menguasai banyak di antara kemahiran-kemahiran insaniah yang amat diperlukan oleh mereka bagi menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan selepas tamat belajar.*

Katakunci : pembelajaran, kemahiran, pbl, popbl

Pengenalan

Perubahan yang berlaku di dalam bidang pendidikan di peringkat universiti bukan sahaja meliputi aspek pembangunan ilmu dan penyelidikan yang baru dan terkini, bahkan meliputi perubahan dan perkembangan di dalam bidang pengkaedahan penyampaian ilmu kepada para pelajar. Kepentingan kaedah penyampaian di peringkat pendidikan universiti mulai dirasakan oleh para pensyarah yang dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan ilmu baru kepada pelajar mereka khususnya disebabkan oleh perubahan di dalam psikologi pembelajaran pelajar. Pembelajaran di kebanyakan peringkat pada akhir-akhir ini menjadi lebih berfokuskan pelajar dan lebih mementingkan pengalaman sebenar. Keadaan ini adalah dirasakan penting untuk memberikan peluang yang lebih banyak kepada para pelajar mengadaptasikan diri mereka dengan alam pekerjaan dan alam kehidupan bermasyarakat. Kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) atau *Problem Based Learning* (PBL) adalah salah satu daripada kaedah pembelajaran yang menekankan pengalaman sebenar dan juga memberikan tumpuan kepada pelajar.

Latar Belakang Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

Pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar terbahagi kepada dua jenis yang berbeza (Stephen Brookfield, 1983: 16). Pertama ialah pembelajaran yang dilalui oleh pelajar dalam keadaan di mana mereka telah diberikan peluang untuk memperolehi dan mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan perasaan dalam satu situasi yang sebenar dan bersesuaian. Oleh itu pembelajaran berasaskan pengalaman (PBP) adalah melibatkan “pengalaman sebenar dengan fenomena yang dikaji” dan bukannya hanya berfikir tentang fenomena tersebut atau memikirkan cara bagaimana hendak mengalaminya (Borzak 1981: 9

dipetik oleh Brookfield 1983). Pembelajaran jenis ini biasanya diasaskan oleh institusi pengajian dan mungkin boleh digunakan untuk program latihan bagi pekerja sosial atau guru dan juga di dalam bidang pembelajaran berkaitan pentadbiran sosial dan geografi. Keduanya ialah pembelajaran yang berlaku hasil daripada penglibatan terus dengan pengalaman kehidupan (*primary experience*) (*learning that occurs as a direct participation in the events of life*) (Houle 1980: 221). Pembelajaran di sini tidak berasaskan kepada pendidikan formal yang disediakan oleh institusi pengajian akan tetapi dialami sendiri oleh mereka yang terlibat termasuklah para pelajar. Pembelajaran terhasil akibat tindak balas atau refleksi terhadap pengalaman seharian dan inilah sebenarnya cara di mana kebanyakan daripada kita belajar.

Carl Rogers membezakan dua jenis pembelajaran iaitu pembelajaran berbentuk kognitif (kurang bermakna) dan pembelajaran berasaskan pengalaman (bermakna). Kognitif dikaitkan dengan pembelajaran ilmu akademik seperti mempelajari kosa kata atau jadual darab bahagi. Sementara pembelajaran berasaskan pengalaman merujuk kepada ilmu aplikasi seperti belajar tentang enjin untuk memperbaiki sebuah kereta. Perbezaan utama antara keduanya ialah pembelajaran berasaskan pengalaman lebih menekankan keperluan dan kehendak pelajar. Rogers menyenaraikan antara ciri-ciri pembelajaran berasaskan pengalaman iaitu: penglibatan secara personal/peribadi (*personal involvement*), kehendak sendiri (*self-initiated*), penilaian sendiri (*evaluated by learner*) serta memberi kesan menyeluruh kepada pelajar (*pervasive effects on learner*).


Bagi Rogers, pembelajaran berasaskan pengalaman adalah sama dengan aspek perubahan dan perkembangan diri itu sendiri (*experiential learning is equivalent to personal change and growth*). Rogers merasakan bahawa semua manusia mempunyai kecenderungan untuk belajar, oleh itu peranan seorang guru adalah untuk menyediakan kemudahan kepada seseorang itu untuk belajar. Antaranya ialah dengan menyediakan persekitaran yang positif untuk pembelajaran, memperjelaskan objektif pembelajaran kepada pelajar, menyusun dan membolehkan sumber pembelajaran diperolehi oleh pelajar, memperseimbangkan di antara komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran dan akhir sekali berkongsi perasaan dan pemikiran dengan pelajar tanpa mendominasi mereka.

Menurut Rogers lagi, pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan sempurna apabila ianya wujud dalam tiga keadaan. Keadaan pertama ialah apabila para pelajar mengambil bahagian secara menyeluruh di dalam proses pembelajaran serta mempunyai pengaruh untuk mengawal arah tuju pembelajaran mereka. Keadaan kedua ialah apabila proses pembelajaran mempunyai perkaitan yang langsung dengan isu-isu praktikal, sosial, individu atau masalah yang benar-benar dikaji dan keadaan ketiga ialah apabila para pelajar menjadikan penilaian sendiri sebagai kaedah utama dalam menentukan kejayaan atau perkembangan pembelajaran. Rogers juga menekankan tentang pentingnya belajar untuk belajar (*learning to learn*) serta bersikap terbuka kepada perubahan. Teori Roger berkembang sebagai satu daripada cabang pergerakan pendidikan humanistik. (Patterson, 1973; Valett, 1977). Di antara prinsip pembelajaran berasaskan pengalaman Rogers ialah;

1. Pembelajaran bermakna akan berlaku apabila subjek pembelajaran adalah relevan kepada minat individu pelajar.
2. Sebarang bentuk pembelajaran biasanya akan mencabar perspektif sedia ada pelajar (khususnya apabila mereka perlu mengubah sikap dan perspektif sedia ada untuk menerima sikap dan perspektif baru daripada pembelajaran). Dalam keadaan ini pembelajaran akan lebih mudah diserap jika cabaran daripada luar adalah minimum.
3. Pembelajaran akan lebih mudah dan cepat diterima jika cabaran dan ancaman terhadap diri adalah rendah
4. Pembelajaran yang diinisiatifkan oleh diri sendiri akan lebih bertahan lama dan menyeluruh kesannya.

Seorang lagi pengkaji yang berminat dengan kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman dan telah membina modelnya sendiri ialah David A. Kolb, Professor Organizational Behavior di Weatherhead School of Management. Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) David Kolb banyak ditemui di dalam perbincangan tentang teori dan praktis pendidikan dewasa, pendidikan tidak formal dan pendidikan berterusan. Kolb amat berminat untuk mengetahui proses yang menjadikan pengalaman sebenar sebagai bermakna (*exploring the processes associated with making sense of concrete experiences*). Beliau banyak merujuk kepada hasil-hasil tulisan dan kajian Piaget, Dewey dan Kurt Lewin.

Bersama dengan Roger Fry, David A. Kolb telah merekabentuk model pembelajaran beliau yang meliputi empat elemen utama; pengalaman sebenar (*concrete experience*), pemerhatian dan refleksi (*observation and reflection*), pembentukan konsep yang abstrak (*the formation of abstract concepts*) dan percubaan serta perlaksanaan dalam situasi yang baru (*testing in new situations*). Beliau menerangkan model ini dalam bentuk kitaran berasaskan teori Kurt Lewin seperti dalam rajah 1 di bawah. Kolb dan Fry mendakwa bahawa kitaran pembelajaran boleh bermula pada mana-mana sahaja daripada empat kotak di atas dan ianya akan berterusan mengikut kitaran seterusnya. Bagaimanapun, proses pembelajaran biasanya bermula apabila seseorang pelajar mula melakukan sesuatu perbuatan tertentu dan kemudiannya ia akan melihat kesan perbuatan tersebut di dalam situasi yang khusus (kotak 1- *concrete experience*). Lanjutan daripada itu, langkah kedua ialah untuk memahami kesan-kesan ini dalam situasi yang khusus supaya perbuatan yang sama yang dilakukan dalam situasi lain akan dapat difahami kesan yang akan diperolehi daripadanya (kotak 2 – *observation and reflection*).




RAJAH 1: Model *Experiential Learning* Kolb
Sumber: Fry and Kolb (1975)

Langkah ketiga seterusnya adalah untuk memahami prinsip umum yang wujud dalam situasi yang khusus tersebut melalui proses generalisasi (kotak 3 – *forming abstract concepts*). Generalisasi mungkin melibatkan perbuatan-perbuatan dalam ruang lingkup yang telah dikenalpasti untuk mendapatkan pengalaman lebih jauh daripada situasi yang khusus tadi dan seterusnya mencadangkan prinsip umum yang wujud di dalamnya. Memahami prinsip umum membolehkan pelajar melihat hubungan di antara perbuatan yang dilakukan dengan kesan yang terhasil di dalam ruang lingkup yang telah dikenalpasti (Coleman 1976: 52). Seorang pendidik yang telah mempelajari melalui cara dan kaedah ini mungkin akan mempunyai lebih banyak pilihan untuk membuat generalisasi di dalam situasi yang berbeza. Mereka

mampu menyelesaikan masalah yang jarang ditemui yang mempunyai ciri-ciri persamaan dengan masalah yang telah dilalui hasil daripada generalisasi terhadap situasi yang telah dialami daripada pembelajaran tadi. Apabila prinsip umum telah difahami, maka langkah terakhir mengikut Kolb ialah mengaplikasikannya melalui perbuatan di dalam situasi baru yang juga mempunyai persamaan dengan situasi yang wujud dalam ruang lingkup generalisasi tadi (kotak 4 – *testing in new situations*). Dalam banyak keadaan PBP melalui empat langkah ini biasanya diwakili oleh pergerakan berbentuk kitaran. Bagaimanapun dalam keadaan sebenar apabila pembelajaran telah berlaku proses PBP biasanya dilihat dalam bentuk *spiral* atau lingkaran berterusan. Sekalipun perbuatan berlaku di dalam keadaan yang berbeza, pelajar akan dapat memahami kesan-kesan yang akan wujud hasil daripada perbuatan tersebut.

Dua aspek penting daripada model Kolb iaitu penggunaan pengalaman sebenar untuk menguji sesuatu idea dan penggunaan maklumbalas untuk mengubah amalan dan teori (Kolb 1984: 21-22). Kolb menggabungkan teori beliau dengan teori John Dewey untuk menekankan tentang perkembangan latihan, dengan teori Piaget untuk memperakukan kepentingan perkembangan kognitif. Beliau menamakan modelnya sebagai PBP (*experiential learning*) untuk menjelaskan hubungannya dengan Dewey, Lewin dan Piaget, serta untuk menekankan peranan penting yang dimainkan oleh pengalaman di dalam pembelajaran. Beliau ingin membezakannya dengan teori kognitif dalam proses pembelajaran (lihat seterusnya Coleman, 1976).



RAJAH 2: Model Pembelajaran Jarvis
 Sumber: Jarvis (1995)

Jarvis (1987, 1995) berpendapat bahawa terdapat beberapa jenis tindakbalas kepada situasi pembelajaran. Beliau menggunakan model Kolb terhadap beberapa kumpulan dewasa dan meminta mereka mengalaminya berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka sendiri. Beliau kemudiannya telah berjaya membina satu model yang membolehkan PBP dialami melalui beberapa laluan yang berbeza. Sesetengahnya boleh dikatakan sebagai “*non-learning*”, setengah yang lain “*non-reflective learning*”, dan “*reflective learning*”. Rajah 2 menjelaskan konsep asas model Jarvis.

“Tiada Pembelajaran” (*Non-learning*) adalah apabila proses pembelajaran bergerak daripada kotak 1 dan berakhir dalam kotak 4. Proses ini menjelaskan bagaimana kita berhubung sesama sendiri melalui tingkah laku kebiasaan seperti memberi salam atau berkata hello dan sebagainya. Keadaan “tidak ambil peduli” (*Non-consideration*) juga boleh berlaku di sini apabila kita tidak bertindak balas dengan situasi yang membolehkan kita mendapat pembelajaran. Contohnya kita hanya menjawab salam atau membalas ucapan hello dan terus berlalu pergi tanpa melibatkan diri dengan perbualan seterusnya. “Penolakan” (*Rejection*) juga boleh berlaku apabila proses pembelajaran bergerak daripada kotak 1 ke kotak 3, ke kotak 7 dan berakhir di kotak 9.

“Tiada Tindakbalas” (*non-reflective*) boleh berlaku dalam keadaan “pra kesedaran” (*pre-conscious*) apabila proses pembelajaran berlaku melalui kotak-kotak 1-3 hingga ke 6 hingga kepada 4 atau 9. Bentuk pembelajaran ini berlaku kepada setiap manusia hasil daripada pengalaman harian yang mereka kurang ambil perhatian dan memikirkan tentangnya. Proses pembelajaran yang melibatkan latihan juga termasuk di dalam laluan *non-reflective* iaitu apabila proses pembelajaran melalui kotak-kotak 1-3 ke kotak 5 ke kotak 8 ke kotak 6 ke kotak 4 atau 9. Biasanya keadaan ini terhad kepada perkara-perkara berkaitan latihan untuk pekerjaan manual atau untuk melatih kemahiran fizikal yang khusus. Ia juga mungkin dikaitkan dengan pemerolehan bahasa itu sendiri. Penghafalan (*Memorization*) berlaku apabila proses pembelajaran melalui kotak-kotak 1-3 ke kotak 6 dan berkemungkinan kotak 8 ke kotak 6 serta terus ke kotak 4 atau 9. Ianya juga merupakan satu daripada aspek *non-reflective learning* menurut Jarvis.

Pembelajaran Reflektif (*Reflective learning*) berlaku dalam tiga keadaan iaitu kontemplasi, amalan refleksi dan pembelajaran berasaskan masalah. Kontemplasi (*Contemplation*) berlaku apabila proses pembelajaran melalui kotak-kotak 1-3 ke 7 ke 8 ke 6 ke 9. Di sini seseorang itu cuba memahami dan membuat keputusan berdasarkan kefahaman intelektualnya. Amalan refleksi (*Reflective practice*) pula berlaku apabila proses pembelajaran melalui kotak-kotak 1-3 (ke kotak 5) ke kotak 7 ke kotak 5 ke kotak 6 ke kotak 9. Refleksi ini dikatakan sebagai refleksi terhadap dan di dalam perbuatan (*reflection on and in action*). Pembelajaran berasaskan masalah (*Problem Based learning*) hanya boleh berlaku apabila proses pembelajaran melalui kotak-kotak 1-3 ke kotak 7 ke kotak 5 ke kotak 7 ke kotak 8 ke kotak 6 ke kotak 9. Dengan secara ini ilmu yang pragmatik mungkin akan dapat dipelajari dengan lebih berjaya.

Model Jarvis mungkin berguna daripada satu segi khususnya apabila kita mengaitkannya dengan pemikiran berkaitan pembelajaran, akan tetapi beberapa masalah masih wujud. Masih terdapat isu yang berkaitan susunan Jarvis kerana dalam keadaan tertentu banyak langkah boleh berlaku serentak. Oleh itu model Jarvis masih terperangkap dengan pemikiran mengkastakan pemikiran manusia. Sepertimana model Kolb, di sana terdapat amat sedikit ujikaji yang boleh menyokong kedua-dua model ini.

Dalam tradisi Islam, Imam al-Ghazali telah lama mempraktikkan konsep dan prinsip *experiential learning*. Kata Imam Al-Ghazali di dalam bukunya al-Munqidh min al-Dhalal, “*hatiku berkata, “Arah utama yang mesti kutuju ialah memperolehi ilmu tentang hakikat segala sesuatu. Jadi tak dapat tidak lebih dahulu aku mestilah lebih dahulu faham apakah hakikat ilmu itu. Oleh itu, nyatalah padaku bahawa “ilmu yaqin” ialah ilmu yang mendedahkan sesuatu benda yang maklum.”* (Al-Ghazali, 1983: 5) Kenyataan Al-Ghazali ini boleh dibandingkan dengan tahap pemerhatian dan refleksi (*observation dan reflection*) dalam model Kolb dan Fry. Apabila Al-Ghazali (1983: 7) membuat kontemplasi beliau sampai kepada kenyataan bahawa, “*...rupa-rupanya aku ini kosong tak berisi dengan ilmu yaqini seperti yang diidamkan. Aku hanya berisi dengan ilmu tanggapan pancaindera dan tanggapan akal*”. Al-Ghazali meneruskan pembelajaran dengan hanya berdasarkan tanggapan pancaindera dan akal sehinggalah beliau telah berjaya menjelaskan kekeliruan golongan Sofis, Mutakallimun, mazhab Ta’lim dan ahli falsafah. Sampai kepada mempelajari ilmu Tasawwuf, beliau merasakan bahawa dengan tanggapan pancaindera dan akal sahaja tidaklah mencukupi. Kata beliau (Al-Ghazali, 1983: 53-54),

“Amat jauh bezanya seorang yang mengetahui takrif sihat dan takrif kenyang serta sebab-sebab dan syaratnya dengan seseorang yang benar-benar sihat dan kenyang...dari sini yakinlah aku bahawa para sufi memperolehi tasawwuf dari pengalaman dan keadaan yang dirasainya dan bukan diperolehi dari pengertian takrif yang boleh disusun dan dituturkan dengan perkataan.”

Lantaran itu beliau telah mengambil langkah drastik dengan keluar bermujahadah selama kira-kira 10 tahun bagi benar-benar mengalami apa yang dikatakan sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman atau *“experiential learning”*. Al-Ghazali menceritakan pengalaman sepuluh tahun pembelajaran beruzlah dan berkhawat sehinggakan hakikat ilmu telah berjaya diterobosi sedalam-dalamnya. Pengalaman Al-Ghazali sememangnya satu pengalaman individu dan beliau tidak pula secara sistematiknya memberitahu bahawa apa yang beliau alami itu adalah satu model pembelajaran berasaskan pengalaman. Bagaimanapun berasaskan apa yang beliau jelaskan di dalam bukunya Al-Munqidh min al-Dhalal, bentuk dan konsep PBP sememangnya telah wujud dalam kalangan ulama Islam sebelum beliau dan apa yang beliau jalani sememangnya satu bentuk PBP yang sistematik. Terpulanglah kepada kita untuk membuat kajian lanjutan dan membentuk satu model PBP yang dipelopori oleh al-Ghazali secara yang lebih sistematik dan relevan dengan situasi semasa perkembangan pendidikan hari ini. Pendek kata PBP bukanlah suatu yang baru dalam kalangan ulama-ulama dan pendidik-pendidik Islam.

PBP dalam Subjek Kemanusiaan di UTHM

Bidang pengajian kemanusiaan semakin kurang diminati oleh kebanyakan pelajar pada masa kini. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh bidang kerjaya yang melibatkan bidang ini semakin berkurangan sedangkan graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi semakin meningkat. Ini ditambah lagi dengan penekanan yang meluas diberikan kepada penguasaan sains dan teknologi. Majikan bagaimanapun melihat bahawa bidang ini masih lagi amat penting khususnya dalam melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi dan akhlak yang terpuji. Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di dalam bidang-bidang kritikal seperti sains, kejuruteraan dan teknologi, pengajian kemanusiaan dan sains sosial juga amat penting untuk memastikan kemahiran insaniah mereka dapat dipertingkatkan kepada tahap yang lebih tinggi. Bagaimanapun agak menyedihkan kerana hari ini didapati pendekatan pembelajaran di dalam bidang pengajian kemanusiaan di kebanyakan universiti tidak mampu berfungsi sepenuhnya untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Ini disebabkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan tidak berpusatkan kepada pelajar. Kaedah pembelajaran di dalam bidang pengajian kemanusiaan telah lama dilaksanakan dalam bentuk syarahan, berpusatkan pensyarah serta bersifat sehalu. Keadaan ini menyebabkan para pelajar tidak dapat mengasah kemahiran insaniah mereka dengan secara yang lebih baik kerana aspek pengalaman sebenar serta praktikal tidak di tekankan.

Bidang pengajian perubatan dan kejuruteraan di kebanyakan universiti di luar negara telah lama mempraktikkan kaedah PBP khususnya dalam bentuk pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM). University McMaster di Kanada contohnya telah lebih 40 tahun menjalankan kaedah PBM di dalam bidang perubatan. University Aalborg di Denmark telah lebih 20 tahun menjalankan kaedah PBM di dalam bidang kejuruteraan. Di Malaysia, kaedah ini nampaknya masih terlalu baru dan ianya

diperkenalkan di beberapa universiti awam di dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Amat jarang didapati pendekatan ini digunapakai dalam bidang pengajian kemanusiaan.

Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) atau *Problem Based Learning* (PBL) dan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (PBMBP) atau *Project Oriented Problem Based Learning* (POPBL) adalah salah satu cabang dalam PBP dan ianya merupakan satu cara atau kaedah bagaimana para pelajar dapat didedahkan dengan pengalaman sebenar dalam kehidupan dan alam pekerjaan mereka yang akan datang. Sehubungan dengan penekanan yang diberikan oleh Falsafah Pendidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menyebut, "*Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan **berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran-melalui-pengalaman** untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan,*" maka para pensyarah di universiti ini diharapkan agar dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berasaskan prinsip PBP ini secara menyeluruh. Dengan diterajui oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran pendekatan PBP telah dilaksanakan melalui pengenalan kepada PBM (PBL) dan kemudiannya PBMBP (POPBL).

Sekalipun pada asasnya pendekatan PBM ini adalah lebih menjurus kepada bidang kejuruteraan, sebahagian daripada pensyarah Pengajian kemanusiaan di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi tidak mahu ketinggalan untuk sama-sama membantu universiti merealisasikan falsafah pendidikannya. Bertitik tolak daripada sini beberapa orang pensyarah di Pusat ini telah melaksanakan PBM sejak semester 1 sesi 2005/2006. Sehingga kini pendekatan PBM ini telah diperluaskan kepada hampir semua mata pelajaran yang ditawarkan di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi. Pendekatan PBM dan PBMBP yang dilaksanakan di Pusat ini agak unik kerana ianya menggabungkan konsep dan pelaksanaan daripada universiti-universiti yang telah lama melaksanakan kedua-dua pendekatan ini dengan pengalaman sebenar yang dilalui oleh para pensyarah sejak ia mula diperkenalkan. Berdasarkan kepada pengalaman yang dilalui dalam melaksanakan pendekatan PBM ini para pensyarah Pengajian kemanusiaan di Pusat Pengajian Kemanusiaan, UTHM telah melakukan beberapa pengubahsuaian terhadap pendekatan asal PBM yang biasanya dirujuk kepada McMaster University Canada, Aalborg University Denmark dan juga Republic Polytechnic Singapura.

Mata pelajaran berasaskan Pengajian kemanusiaan yang ditawarkan di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi sering dilabelkan sebagai "*dry subject*" atau subjek yang membosankan. Di samping itu terdapat juga sebahagian pelajar yang menganggap subjek-subjek yang ditawarkan oleh pusat ini sebagai subjek tambahan yang mengganggu tumpuan mereka terhadap subjek teras di fakulti masing-masing. Persepsi sebegini seharusnya diperbetulkan segera kerana pada hakikatnya subjek-subjek berasaskan pengajian kemanusiaan yang ditawarkan di pusat ini adalah merupakan subjek yang setara pentingnya dengan subjek teras di fakulti dalam usaha memastikan para graduan yang dilahirkan oleh universiti seimbang dan menyeluruh. Bahkan dalam keadaan yang tertentu subjek-subjek berasaskan pengajian kemanusiaan yang ditawarkan oleh pusat ini adalah lebih utama berbanding subjek teras di fakulti dilihat dari segi keperluan membina kemahiran insaniah dan sahsiah pelajar.

Terdapat banyak pendekatan PBM yang dilaksanakan dalam subjek berasaskan Pengajian kemanusiaan di UTHM. Ada di antaranya dilaksanakan secara sebahagian sama ada besar atau kecil dan ada di antaranya yang dilaksanakan sepenuhnya melalui pendekatan PBM. Subjek-subjek yang masih terikat dengan sistem peperiksaan bertulis kebanyakannya dilaksanakan PBM secara sebahagian kecil sahaja. Manakala di dalam subjek yang tidak terikat dengan sistem peperiksaan bertulis, PBM dilaksanakan secara sepenuhnya.

Dapatan Tinjauan Awal Pendekatan PBM

Setelah dua semester (semester pertama dan kedua sesi 2005/2006) pendekatan PBM dilaksanakan di dalam subjek-subjek kemanusiaan di UTHM, satu tinjauan awal tentang keberkesannya telah dijalankan. Para pelajar telah ditemubual untuk mengetahui persepsi mereka terhadap pendekatan ini. Hasilnya didapati semua pelajar memberikan komen yang positif terhadap pendekatan PBM ini. Berasaskan maklum balas pelajar yang dianalisis dapat disimpulkan bahawa kaedah PBM mempunyai banyak kesan positif terhadap proses pembelajaran pelajar (lihat Hussain Othman et.al, 2006 dan 2007). Dua aspek penting telah dapat dikenalpasti melalui maklum balas pelajar yang dianalisis iaitu pertamanya kita dapat mengetahui di antara ciri-ciri utama pendekatan PBM dan keduanya beberapa kemahiran insaniah penting yang dapat diperolehi oleh pelajar setelah mengikuti proses pembelajaran menggunakan pendekatan PBM. Berdasarkan maklum balas pelajar pendekatan PBM didapati mempunyai ciri-ciri mencabar, berguna, berkesan, menyeronokkan, tidak membebankan, tidak membosankan serta memberi banyak pengalaman kepada pelajar (Hussain et.al, 2006).

Ketujuh-tujuh ciri ini amatlah penting untuk menjadikan proses pembelajaran pelajar lebih bermakna (*meaningful learning*). Ciri-ciri ini menunjukkan bahawa pendekatan PBM dapat memberi sumbangan yang positif kepada proses pembelajaran pelajar. Kelebihan pendekatan PBM juga dapat dilihat dari sudut kemahiran insaniah yang dapat dijana melalui proses pembelajarannya. Di antara kemahiran insaniah yang dapat dilatih dan dibentuk melalui pendekatan PBM adalah kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran berkomunikasi, kemahiran bersosial, kemahiran pembelajaran sendiri, kemahiran etika dan moral, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran bekerja berkumpulan (Hussain et.al., 2007). Kelapan-lapan kemahiran ini amatlah diperlukan oleh para pelajar yang keluar menghadapi cabaran dalam alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Kesimpulannya, dapatan tinjauan awal menunjukkan bahawa kaedah PBM banyak membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar di dalam bidang pengajian kemanusiaan. Pembelajaran pelajar telah dapat diubah daripada "*rote learning*" kepada atau "*meaningful learning*." *Meaningful learning* merujuk kepada pembelajaran yang bermakna terhasil daripada pendedahan para pelajar kepada situasi yang sebenar atau berasaskan pengalaman. Pendekatan PBM juga telah berjaya membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah mereka bagi menghadapi dunia pekerjaan kelak. Menyedari kepentingan PBM ini para pensyarah kemudiannya meneruskan setahap lagi pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman ini kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (PBMBP) atau *project oriented problem based learning* (POPBL). Pendekatan ini mulakan dijalankan pada semester 2 sesi 2006/2007. Bencana banjir yang berlaku pada akhir tahun 2006 dan awal tahun 2007 merupakan satu peluang kepada para pelajar yang mengambil subjek ini untuk melibatkan diri dalam proses PBMBP. Dengan bertemakan "Hulurkan Tangan Ukirkan Senyuman," para pelajar didedahkan dengan pendekatan PBMBP secara sepenuhnya.

Projek Hulurkan Tangan Ukirkan Senyuman

Situasi yang tidak menentu ketika berlakunya banjir pada akhir tahun 2006 dan awal tahun 2007 memberikan peluang yang amat luas kepada para pelajar untuk melibatkan diri dengan proses pembelajaran berasaskan pengalaman khususnya PBMBP. Ketika bencana banjir berlaku salah seorang pensyarah subjek ini telah diminta oleh salah seorang ahli korporat untuk menyalurkan sumbangan yang berjumlah RM10,000 kepada mangsa banjir dalam berbagai bentuk yang dirasakan sesuai. Peluang ini disambut oleh semua pensyarah yang mengajar subjek ini dan telah berjaya membentuk 36 kumpulan

pelajar daripada 4 seksyen kelas. Sumbangan ini telah disalurkan dalam bentuk wang tunai khususnya ke pusat-pusat penempatan yang pada masa itu dipenuhi oleh mangsa banjir. Sebanyak RM6,400.00 telah disalurkan ke 10 pusat penempatan meliputi Pusat Penempatan Banjir Sekolah Agama Kg. Istana, SK Bukit Soga, SK Seri Beroleh, Dewan Masjid Seri Beroleh, SM Teknik Batu Pahat, Sekolah Agama Pintas Puding, SK Pintas Puding, Sekolah Agama Jelutong, Sekolah Agama Sri Aman dan SK Parit Raja. Baki RM 3,600.00 disalurkan kepada pelajar subjek ini untuk dijadikan sebagai asas melaksanakan projek membantu mangsa banjir dalam berbagai bentuk.

Beberapa langkah telah diatur oleh para pensyarah dalam melaksanakan proses PBMBP. Pertamanya adalah proses pembentukan kumpulan yang terdiri daripada 6 – 7 pelajar setiap kumpulan. Setelah itu setiap kumpulan diberikan pencetus pembelajaran atau *triggers* yang berbentuk arahan untuk setiap kumpulan menghabiskan masa 2 jam mereka di pusat penempatan banjir. Para pelajar diingatkan bahawa mereka hendaklah bertindak sebagai penyelidik dan sukarelawan iaitu menjalankan tugas untuk mendapatkan data dan seterusnya data tersebut digunakan bagi membantu mangsa yang amat memerlukan. Mereka dikehendaki memohon kebenaran daripada pihak yang bertanggungjawab terhadap pusat tersebut untuk masuk menemui dan menemubual mangsa-mangsa banjir serta membuat pemerhatian di sekitar pusat penempatan. Setiap kumpulan dimestikan bertemu tidak kurang daripada 5 ahli keluarga dan bertanyakan tentang maklumat asas diri dan keluarga, pengalaman mereka menghadapi banjir, masalah-masalah yang dihadapi serta harapan mereka.

Setiap kumpulan diminta menyediakan laporan untuk dibentangkan di dalam kelas pada minggu yang berikutnya. Setiap pembentangan akan dinilai oleh pensyarah serta kumpulan yang lain. Di akhir pembentangan setiap kumpulan diminta mencadangkan projek yang mereka ingin laksanakan bagi membantu mangsa banjir tersebut. Para pelajar akan diberikan masa seminggu untuk membincangkan projek mereka bersama ahli kumpulan serta merancang lawatan ke rumah atau tempat yang dicadangkan untuk dilaksanakan projek. Setelah itu mereka diminta untuk membuat pembentangan kedua berkaitan perancangan projek mereka. Pembentangan ini juga dinilai oleh pensyarah dan kumpulan yang lain. Setelah itu setiap kumpulan diberikan masa 3 minggu untuk menyiapkan projek. Akhirnya laporan projek disiapkan dan dibentangkan di dalam kelas.

Penilaian akhir dibuat berdasarkan kepada hasil dan proses yang dilalui oleh para pelajar. Bagaimanapun penilaian terhadap proses adalah lebih diutamakan khususnya yang melibatkan proses bagaimana pelajar-pelajar menguruskan projek dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Di akhir kuliah pelajar diminta memberi maklum balas tentang pengalaman yang mereka lalui dalam proses pembelajaran ini serta aspek-aspek penting yang telah mereka pelajari. Penelitian terhadap semua laporan projek tersebut menunjukkan dengan jelas kepada kita bagaimana para pelajar dengan jayanya telah melalui proses pembelajaran daripada awal hingga akhir. Kita dapat melihat bagaimana prinsip *independent learning* atau kebebasan belajar diamalkan oleh para pelajar. Secara asasnya apa yang dilalui oleh para pelajar adalah proses pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar yang kebiasaannya tidak akan dapat diperolehi melalui kaedah tradisional khususnya apabila pensyarah menggunakan kaedah syarahan. Perkara yang paling penting akhirnya untuk kita tumpukan ialah kenyataan mereka tentang hasil pembelajaran yang diperolehi pada akhir proses pembelajaran. Terlalu banyak untuk diulas di sini bagaimana semua pelajar bersetuju bahawa pendekatan PBMBP ini amat berkesan dalam meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Komen dan maklum balas pelajar telah dianalisis menggunakan pendekatan analisis isi kandungan (*content analysis method*) untuk kita meneliti bagaimana berkesannya kaedah PBMBP dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Dapatan Kajian dan Kesimpulan

Daripada analisis isi kandungan maklum balas para pelajar yang mengikuti proses pembelajaran melalui pendekatan PBMBP beberapa dapatan perlu diberikan perhatian di sini iaitu yang berkait secara langsung dengan proses pembinaan kemahiran insaniah. Pertamanya, daripada segi jumlah kemahiran insaniah yang dapat di bina adalah didapati terdapat tidak kurang daripada 13 kemahiran yang dapat diterap melalui subjek kemanusiaan. Keadaan ini menggambarkan bahawa proses pembelajaran di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi, UTHM telah berjaya membina kemahiran insaniah pelajar melebihi daripada standard minimum yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi iaitu tujuh. Hal ini juga dengan jelas membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman telah berjaya membina modal insan yang cemerlang bagi mencapai apa yang disebut oleh YAB Perdana Menteri “*first class human capital*” atau modal insan kelas pertama. Keduaanya, dari sudut jenis kemahiran insaniah yang ketara dalam bidang pengajian kemanusiaan didapati bahawa terdapat kemahiran-kemahiran yang kurang diberikan perhatian oleh bidang pengajian lain seperti kemahiran bersosial. Jadual 1 menunjukkan di antara 13 kemahiran insaniah yang dapat dibina dan dibentuk melalui pendekatan PBMBP;

JADUAL 1 : Kemahiran insaniah dalam subjek kemanusiaan di UTHM

No.	Kemahiran Insaniah
1	Kemahiran Bersosial
2	Kemahiran Kerja Berpasukan
3	Kemahiran Menyelesaikan Masalah
4	Kemahiran Menguruskan Jiwa
5	Kemahiran Etika Dan Moral
6	Kemahiran Komunikasi
7	Kemahiran Pembelajaran Berterusan
8	Kemahiran Kepimpinan
9	Kemahiran Mengurus Krisis
10	Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif
11	Kemahiran Menguruskan Teknologi
12	Kemahiran Menguruskan Maklumat
13	Kemahiran Keusahawanan

Pembelajaran berasaskan masalah yang menekankan pengalaman di situasi sebenar sememangnya satu bentuk pembelajaran yang aktif dan konstruktif. Model dan prinsip pembelajaran seumpama ini sememangnya amat diperlukan dalam situasi gaya pembelajaran pelajar hari ini yang juga aktif dan kreatif, apatah lagi di peringkat yang lebih tinggi seperti di kolej dan universiti. Pelajar yang berada di kolej, politeknik, institut dan universiti adalah pelajar yang telah lama melalui beberapa proses pembelajaran di peringkat yang rendah yang lebih berbentuk “*rote learning*”. Mereka sudah mula muak dengan cara pembelajaran “suapan” yang biasa mereka lalui dan seharusnya bentuk pembelajaran mereka terarah kepada pembelajaran bermakna atau “*meaningful learning*”. *Rote learning* akan menyebabkan ilmu yang bermanfaat dipandang tidak berguna untuk manusia kerana ianya tidak dianggap untuk diamalkan sebaliknya hanya untuk diketahui (Hussain, 2003: 45-50). PBP adalah salah satu cara untuk menjadikan pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna.

Bibliografi

- Al-Ghazali (1983). *Pembendung Daripada Kesesatan*. Terj. Abdulfatah Haron Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, J. A. (1988). 'Cognitive styles and multicultural populations', *Journal of Teacher Education*, 39(1): 2-9.
- Borzak, L. (ed.) (1981). *Field Study. A source book for experiential learning*, Beverley Hills: Sage Publications.
- Brookfield, S. D. (1983). *Adult Learning, Adult Education and the Community* Milton Keynes Open University Press.
- Combs, A.W. (1982). *Affective education or none at all*. Educational Leadership, 39(7), 494-497.
- Dewey, J. (1933). *How We Think*, New York: Heath.
- Houle, C. (1980). *Continuing Learning in the Professions*, San Francisco: Jossey-Bass.
- Hussain Othman (2003). 'Rote Learning and Meaningful Learning: A Survey from Western and Islamic Concepts of Education', *Jurnal Kemanusiaan*, 1 (Oktober): 39-58.
- Hussain Othman, Abdullah Sulaiman, Mohd Zain Mubarak dan Nik Kamal Wan Mohamed (2006). "Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Bidang Pengajian Kemanusiaan", Kertas Kerja Seminar Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2006, anjuran SPACE, UTM, 8-9 Ogos 2006, Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur.
- Hussain Othman, Abdullah Sulaiman dan Berhannudin Mohd Salleh (2007). "Learning Social Skills Through PBL: A Case Study on Engineering Students", Kertas Kerja International Conference on Engineering Education and Research (iCEER 2007), 2-7 Disember 2007, Victoria University, Melbourne, Australia.
- Hussain Othman (2007). "Experiential Learning in Humanities Study: A Case Study on the Implementation of Problem Based Learning in Tertiary Education Classroom", Kertas Kerja International PBL Symposium 2007, 7-9 March 2007, Republic Polytechnic, Singapore.
- Hussain Othman, Abdullah Sulaiman, Berhannudin Mohd Salleh dan Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2008). "Enhancing Students' Social Interaction and Communication Skills Using Project Oriented Problem Based Learning (POPBL) Approach", Kertas Kerja International Conference on Communication and Media (iCome 2008), anjuran Universiti Utara Malaysia, 14-16 Jun 2008, Corus Hotel, Kuala Lumpur.
- Hussain Othman, Abdullah Sulaiman, Berhannudin Mohd Salleh dan Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2008). "Developing An Instructional Module For Experiential Learning In Humanities Studies", Kertas Kerja International Conference on Social Sciences and Humanities 2008, Universiti Sains Malaysia, 18-20 Jun 2008, USM, Pulau Pinang.
- Hussain Othman, Abdullah Sulaiman, Berhannudin Mohd Salleh dan Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2008). "Sharing the Plight of Flood Victims and Improving Students' Humanistic Skills Through Project Organised Problem Based Learning", Kertas Kerja International PBL Symposium 2008, 30 Jun – 1 Julai 2008, United Nation Chair for PBL, Aalborg University, Denmark.
- Jarvis, P. (1994). 'Learning', *ICE301 Lifelong Learning*, Unit 1(1), London: YMCA George Williams College.
- Jarvis, P. (1995). *Adult and Continuing Education. Theory and practice 2e*, London: Routledge.
- Kolb, A. And Kolb D. A. (2001). *Experiential Learning Theory Bibliography 1971-2001*, Boston, Ma.: McBer and Co, <http://trgmcbcr.haygroup.com/Products/learning/bibliography.htm>
- Kolb, D. A. (1976). *The Learning Style Inventory: Technical Manual*, Boston, Ma.: McBer.
- Kolb, D. A. (1981). 'Learning styles and disciplinary differences'. In A. W. Chickering (ed.) *The Modern American College*, San Francisco: Jossey-Bass.
- Kolb, D. A. (with J. Osland and I. Rubin) (1995a). *Organizational Behavior: An Experiential Approach to Human Behavior in Organizations 6e*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

- Kolb, D. A. (with J. Osland and I. Rubin) (1995b). *The Organizational Behavior Reader 6e*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Kolb, D. A. And Fry, R. (1975). 'Toward an applied theory of experiential learning;', in C. Cooper (ed.) *Theories of Group Process*, London: John Wiley.
- Patterson, C.H. (1973). *Humanistic Education*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Rogers, C.R. & Freiberg, H.J. (1994). *Freedom to Learn* (3rd Ed). Columbus, OH: Merrill/Macmillan.
- Rogers, C.R. (1969). *Freedom to Learn*. Columbus, OH: Merrill.
- Schön, D. (1983). *The Reflective Practitioner*, New York: Basic Books
- Tennant, M. (1997). *Psychology and Adult Learning 2e*, London: Routledge.
- Valett, R.E. (1977). *Humanistic Education*. St Louis, MO: Mosby.

Dr. Hussain Othman

Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.
07-4537186/7188 (Pejabat), 013-7792367 (HP)

hussain@uthm.edu.my

Dr. Berhannudin Mohd Salleh

Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

berhan@uthm.edu.my

Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus

Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

dawilah@uthm.edu.my

Abdullah Sulaiman

Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

abdulah@uthm.edu.my

PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH DI IPTA ISLAM MALAYSIA: SATU ANALISIS PARADIGMA

Prof. Madya Dr. Datin Paizah Ismail, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin

Abstrak : Pada dasarnya, artikel ini merupakan dapatan awal (*pilot studies*) daripada projek penyelidikan ilmiah FRGS (FR020/2007A) tajaan Universiti Malaya, dengan tajuk : **Pembaharuan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Bagi Menjana Program Pembangunan Modal Insan Di Malaysia.** Berbanding dengan tema projek ini yang lebih luas membabitkan beberapa IPTA yang terpilih di dalam tema pembaharuan pengajian, artikel ini akan hanya menumpukan perhatian kepada isu penerapan subjek pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Islam yang terpilih di Malaysia. Ianya bakal mengandungi beberapa bahagian yang utama; Pertama, pengenalan kepada projek penyelidikan. Kedua, subjek Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah serta kaitannya dengan tajdid IPTA Islam di Malaysia. Ketiga, tanggapan warga IPTA Islam terhadap subjek pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah; Paradigma Tradisionalis dan Reformis. Keempat, paradigma alternatif untuk Subjek Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah di Malaysia : satu analisis, akhirnya kelima kesimpulan.

Kata kunci : pemikiran kritis, paradigma, penyelesaian masalah

Pengenalan

Pada dasarnya, artikel ini merupakan dapatan awal (*pilot studies*) daripada projek penyelidikan ilmiah FRGS (FR020/2007A) tajaan Universiti Malaya, dengan tajuk : *Pembaharuan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Bagi Menjana Program Pembangunan Modal Insan Di Malaysia.* Tumpuan utama kajian ini antara lain turut meneliti elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah (PKDKPM) yang dijalankan oleh beberapa IPTA aliran Islam yang terpilih. Kajian ini mengaplikasikan metode temu bual yang terancang, dan *participant observation* yang dibuat terhadap 10 IPTA/IPTS yang menawarkan disiplin pengajian Islam.

Subjek Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah serta Kaitannya dengan Tajdid IPTA Islam di Malaysia

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, pengenalan subjek kemahiran insaniah yang terkandung di dalamnya terdapat 7 elemen kemahiran; *kemahiran berkominikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, etika dan moral professional, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan* - amat bertepatan sekali dengan keperluan zaman moden. Jika ditelusuri secara mendalam, kita dapat mengesan bahawa subjek ini diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kerana beberapa faktor;

- 1) Usaha pihak kerajaan dalam RMK-9 bagi memperkukuhkan pembinaan modal insan yang berkualiti, sebagai langkah proaktif kepada usaha penyediaan sumber manusia yang bermutu untuk tujuan wawasan 2020.
- 2) Rungutan daripada sektor pasaran kerja luar, awam dan swasta - yang menganggap graduan IPTA semasa sebagai lemah dan tidak memiliki kemahiran teknikal dan sosial seperti mana diharapkan.
- 3) Usaha IPTA Malaysia yang cuba meningkatkan taraf mereka di peringkat antarabangsa agar bertepatan dengan piawaian *THES (Time Higher Education Survey)*. Sebagai langkah proaktif, *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* juga telah menetapkan syarat pengenalan subjek kemahiran

insaniah ini sebelum mana-mana IPTA/IPTS diberikan akreditasi. Hal ini antara lainnya bagi memperkemas lagi usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa.

Merujuk khusus kepada IPTA aliran Islam, kita boleh menegaskan bahawa usaha penerapan subjek kemahiran insaniah ini telah diterima secara positif oleh pihak IPTA Islam. Sebelum pihak kerajaan memperkenalkan subjek ini, pihak IPTA aliran Islam telahpun melalui proses reformasi yang cukup membanggakan. Ianya berlaku sebagai akibat dari;

- 1) Kesedaran Islam yang timbul daripada era kebangkitan semula Islam, yang menuntut IPTA Islam lebih proaktif menjalankan pembaikan ke arah melahirkan graduan yang kompeten. Usaha reformasi ini dilihat bukan setakat luaran semata-mata, tetapi membabitkan elemen yang paling *substantial*.
- 2) Limpahan pelajar bidang pengajian Islam daripada sekolah-sekolah agama. Hal ini menyebabkan lahirnya sejumlah besar IPTS Islam yang menawarkan peluang pengajian kepada pelajar aliran Islam.

Oleh sebab itu, pengenalan subjek kemahiran insaniah, khususnya subjek Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah (PKDKPM) ini amat dialu-alukan, agar proses tajdid IPTA Islam dapat diperkukuhkan lagi. IPTA Islam sepatutnya berfungsi dalam dua aspek; menjalankan proses transmisi ilmu dan budaya bagi melahirkan intelektual ummah dan proses membangunkan disiplin keilmuan Islam semasa agar ianya dapat digunakan oleh ummah Islam. Untuk konteks yang kedua ini, modul PKDKPM dirasakan mampu dijadikan sebagai pemankin ataupun *software* penyelesaian masalah kepada ummah Islam.

Tanggapan Warga IPTA Islam Terhadap Subjek Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah;

Mengikut pengamatan semasa, kita dapat mengesan dua paradigma utama oleh warga IPTA Islam terhadap PKDKPM ini. Ianya terdiri dari;

Paradigma Tradisionalis

Paradigma ini dikaitkan dengan fahaman yang mempertahankan sesuatu warisan silam ataupun yang lama. Ianya dapat diperincikan;

- 1) Eksklusif (tertutup) yang tidak mahu menerima pandangan yang berasal daripada luar, lebih-lebih lagi dalam soal keagamaan. Bagi mereka, hanya pandangan kumpulan mereka sahaja yang paling betul dan menafikan hal ini kepada golongan lain, lebih-lebih lagi yang mempunyai kaitan dengan dunia Barat. (Ibrahim Abu Bakar, 1994) Untuk itu, mereka bersikap skeptik dengan subjek PKDKPM ini dan enggan mengakui elemen positif yang dibawa oleh subjek PKDKPM ini untuk keperluan zaman moden. Hal ini amat malang sekali, memandangkan sifat dan nisbah subjek PKDKPM inilah yang menimbulkan penguasaan dunia barat terhadap ilmu pengetahuan dunia semasa.
- 2) Mengamalkan *backward looking* di dalam mengemukakan jawapan terhadap permasalahan umat Islam. Bagi mereka, segala elemen tradisi yang diputuskan oleh ulamak silam yang terdiri dari karya teologi dan fiqh perlu dipertahankan dan sekiranya ada sebarang usaha yang cuba menilai secara kritis pandangan ulamak silam, hal ini hanya akan merosakkan lagi warisan yang mulia ini. (Abu Bakar Hamzah, 1981)
- 3) Mempertahankan segala warisan silam dan mempersalahkan kesemua elemen pemodenan. Dalam soal ini, mereka lebih cenderung mengamalkan sikap *nostalgia* kosong, dengan menganggap subjek PKDKPM ini telahpun wujud dalam kurikulum pengajian Islam secara sempurna. Justeru itu, tanpa disedari, mereka lupa dan enggan mengakui kelemahan sistem pengajian Islam, yang terdiri daripada;
 - Sistem dan pedagogi pengajian yang lebih menekankan proses penghafalan sesuatu subjek yang diajar.

- Pelajar kurang mampu ataupun tidak digalakkan untuk mengamalkan sikap kritikal dan *solutionist*.
 - Pelajar lebih ditekankan untuk memiliki kemahiran *bayani* (hafal, berfikir berasaskan kepada teks tetapi gagal mengaitkannya dengan realiti semasa). Sepatutnya kemahiran *bayani* ini perlu diserasikan dengan kemahiran *burhani* (saintifik moden). Sarjana-saintis Islam silam seperti Ibn Sina, Ibn Rusyd, al-Khawarini lahir hasil daripada gabungan kedua-dua kemahiran seperti disebutkan di atas.
- 4) Menolak dan enggan mendalami subjek PKDKPM ini, apatah lagi ianya bertentangan dengan pendekatan pedagogi ala Taqlid (*banking concept* dan *teacher-oriented*) yang selama ini memang diamalkan. Pendekatan *banking concept* menafikan kreativiti seseorang pelajar dalam mengupas sesuatu persoalan. Manakala paradigma *teacher-oriented* pula merujuk kepada pendekatan yang terlalu bergantung sepenuhnya kepada penyelia sehingga melupakan peranan yang perlu dimainkan oleh seseorang pelajar.

Paradigma Reformis

Paradigma yang agak sederhana dan bertentangan dengan paradigma tradisional. Ianya boleh diperincikan dengan;

- 1) Kepentingan umat Islam berpegang teguh kepada ajaran Islam yang suci seperti yang terkandung di dalam sumber wahyu yang bakal memastikan kerelevanan paradigma Tauhid dipakai oleh umat Islam untuk sepanjang zaman.
- 2) Penekanan kepada mewujudkan usaha tajdid dalam semua aspek kehidupan umat Islam akibat daripada proses pemalsuan dan penyelewengan terhadap ajaran Quran dan sunnah yang berlaku rentetan daripada peninggalan umat Islam sendiri terhadap ajaran Islam. Hal ini diburukkan lagi dengan peristiwa penjajahan umat Islam oleh kuasa kuffar Barat, yang secara jangka panjang mengakibatkan suasana kebekuan dan sikap malas ulamak Islam itu sendiri. (Taha Jabir al-Alwani, 1991)
- 3) Penekanan kepada penggunaan paradigma rasional berasaskan semangat ijtihad kepada usaha mempercambahkan kreativiti umat Islam.
- 4) Penekanan kepada proses mewujudkan dan menajamkan daya intelektualism umat Islam di dalam memahami ajaran Islam itu sendiri. Bagi golongan ini, ketinggian tamadun umat Islam silam bukannya patut dibanggakan secara nostalgia semata-mata, bahkan perlu dipetik kesimpulan dan intipati induktif dalam bentuk pengajaran terbaik daripada peristiwa ini untuk dilaksanakan oleh umat Islam. (Mohamad Kamil Abdul Majid) Mengikuti sesetengah sarjana Islam moden, pembangunan tamadun agung merangkumi Barat dan Islam, adalah berpunca daripada amalan budaya ilmu. (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1990) Hal ini dirujuk kepada penggunaan set idea dan kreativiti masyarakat untuk mengkaji sesuatu ilmu dan menterjemahkannya di dalam bentuk program bertindak demi membangunkan pembangunan yang bersifat bersepadu kepada umat manusia. (Louay M. Safi, 1998) Bagi mereka, pengenalan subjek PKDKPM ini dapat dijadikan alternatif utama untuk usaha memperkasakan sistem pendidikan Islam.
- 5) Demi untuk menghadapi persaingan dengan kuasa Barat, umat Islam tidak seharusnya menggunakan pendekatan kekerasan, (Louay M. Safi, 1998) sebaliknya perlu lebih proaktif mempelajari sebab utama ketinggian tamadun Barat, iaitu ketinggian budaya ilmu mereka, (Majid Irsan Kailani, 1997) yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat melalui institusi pendidikan, (Majid Irsan Kailani, 2000) termasuklah penekanan yang perlu diberikan kepada subjek PKDKPM.
- 6) Kepentingan mengamalkan pendekatan berfikir secara berperancangan rapi (*blueprint*) dan bukannya secara retorik semata-mata. (Muhammad Kamal Hasan, 1996) Bagi reformis semasa, demi untuk memastikan kejayaan usaha reformasi yang lebih berkesan, kita perlu menjauhi perjuangan dan pemikiran ala *Khutbah*, golongan yang hanya pandai bercakap dengan gagasan yang begitu ideal tetapi tidak tahu menterjemahkan cita-cita tersebut kepada suatu program bertindak yang bersifat praktikal untuk diamalkan. Apa yang lebih diperlukan adalah perjuangan ala *fuqaha*, yang mampu

berfikir secara waras dengan mengambilkira faktor kegagalan dan kejayaan sesuatu program reformasi, dan mampu menterjemahkan cita-cita kepada program yang praktikal dengan suasana setempat. (Majid Irsan Kailani, 2000)

Dalam konteks Malaysia semasa, pihak kerajaan lebih condong mendokong paradigma reformisme, khususnya dalam program untuk menegakkan program Islamisasi perlu didokong dengan beberapa pendekatan yang penting; (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2003)

- 1) Menekankan kepentingan memahami realiti masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk; dari segi ras bangsa dan sikap yang agak prajudis dan negatif terhadap Islam, di dalam pembentukan sesuatu dasar negara yang berkaitan dengan Islam.
- 2) Menekankan peri pentingnya dilakukan penyelidikan yang berterusan terhadap kekuatan dan kelemahan semua birokrasi dan infrastruktur fizikal yang berfungsi untuk penguatkuasaan undang-undang Islam di Malaysia.
- 3) Menekankan kepentingan mewujudkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan lulusan yang berketerampilan di dalam aspek ilmu Islam dan moden serta akhlak yang seimbang. Semua lulusan ini bakal dipergunakan sepenuhnya untuk tujuan menjayakan agenda pembangunan negara dan pelaksanaan syariah di dalam masyarakat.
- 4) Menekankan kepentingan untuk melakukan integrasi pendidikan antara keilmuan Islam tradisi dan keilmuan moden yang amat diperlukan untuk konteks zaman moden ini.
- 5) Menekankan kepentingan mewujudkan program pembangunan sosial-politik-ekonomi masyarakat berteraskan kepada intipati Islam.
- 6) Menekankan kepentingan diwujudkan unit sokongan seperti media massa dan NGO bagi membawa kesedaran Islam di kalangan masyarakat.

Paradigma Alternatif Untuk Subjek Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah di Malaysia : Satu Analisis

Daripada maklumat kajian lapangan yang dilakukan ke atas IPTA Islam di Malaysia, kita mendapati penerapan subjek PKDKPM ini masih lagi penuh dengan pelbagai kelemahan. Ianya timbul disebabkan proses penerapannya masih terlalu baru, dan seandainya hal ini tidak diatasi segera, kemungkinan besar matlamat murni yang mahu dihasilkan oleh subjek PKDKPM ini akan menemui jalan buntu. Antara kelemahan yang dimaksudkan;

- 1) Para pensyarah dan tutor yang terlibat secara langsung dalam pengajaran subjek kurang diberikan pendedahan yang mencukupi tentang elemen asas subjek PKDKPM ini.
- 2) Langkanya maklumat ataupun sumber rujukan asas untuk subjek PKDKPM ini, sama ada dari segi teori dan aplikasi terbaik yang boleh digunakan di lapangan.
- 3) Kaedah yang seumpama subjek PKDKPM ini memang wujud di beberapa IPTA aliran Islam. Ianya dikenali dengan kaedah PBL (*Problem Based Learning*) dan kaedah kemahiran berfikir dan berkomunikasi (Bahasa Arab dan Inggeris) yang boleh menjanakan daya kritikal dan kebolehan menyelesaikan masalah semasa kepada pelajar. Berasaskan kepada laporan kelemahan pelajar IPTA semasa amnya dan IPTA Islam khususnya, yang dikatakan mempunyai kelemahan berfikir dan berkomunikasi yang betul, (Mohamad Mohsin Mohamad, t.t.) yang kemudiannya lulusan IPTA ini gagal memenuhi pasaran pekerjaan (*job market*), maka pihak Universiti Malaya telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan kaedah PBL ini. Kaedah ini yang biasanya dipakai untuk pelajar bidang perubatan, yang kononnya mampu melatih para pelajar menjadi pekerja yang boleh menganalisa setiap masalah yang timbul dalam bidang masing-masing serta menyertakan jalan penyelesaian masalah terbaik untuk masalah tersebut. (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2002) Sebagai contoh, kaedah dan pendekatan PBL ini telah digunakan dalam subjek hukum Islam, yang memerlukan empat langkah yang utama;
 - Pelajar akan didedahkan dengan kerangka konsep dan senarai buku rujukan yang berotoriti untuk sesuatu subjek khusus yang diajar.

- Pendedahan tentang senario sesuatu masalah Islam sebenar akan dibentangkan untuk diselesaikan secara berkumpulan oleh pelajar, contohnya seperti membabitkan sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFKM).
- Pelajar perlu melakukan penyelidikan secara holistik terhadap sesuatu masalah yang diberikan, yang tentunya membabitkan pelbagai disiplin ilmu moden yang lain. Dalam soal ini, sebagai contohnya, pelajar terpaksa melihat latar belakang realiti sebenar sesuatu masalah itu timbul dan juga perlu menganalisis secara kritikal kandungan fatwa yang dikeluarkan oleh JFKM, sama ada ianya bersesuaian dengan prinsip *Maqasid al-Shariah* dan realiti di Malaysia.
- Hasil penyelidikan pelajar ini akan dibentangkan di dalam kelas yang bakal dinilai oleh pelajar lain dan pensyarah itu sendiri.

Apa yang menjadi masalahnya, tidak semua daripada pensyarah di IPTA Islam yang menerapkan pedagogi ini, sebaliknya ianya lebih dikhususkan kepada pelajar di tahun akhir dan peringkat pasca siswazah.

- 4) Kelemahan *structural*; merujuk kepada badan di IPTA yang sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk menerapkan subjek PKDKPM ini. Buat masa sekarang, timbul dua bentuk cadangan agar ianya perlu dijalankan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) ataupun di peringkat fakulti sendiri.
- 5) Kekaburan sama ada subjek PKDKPM ini perlu dijadikan sebagai subjek teras universiti seperti mana subjek TITAS ataupun elemen PKDKPM ini perlu diterapkan ke dalam semua pengajaran disiplin pengajian Islam. Seandainya alternatif kedua yang menjadi pilihan, kita terpaksa berhadapan dengan dominasi dan halangan budaya Taqlid yang memang wujud dalam disiplin pengajian Islam.

Sebagai rentetan daripada kelemahan di atas, kita mencadangkan beberapa perkara yang utama. Kesemua cadangan ini bertumpu kepada sokongan yang perlu diberikan oleh IPTA aliran Islam terhadap pengenalan subjek PKDKPM ini. Antara cadangan yang dimaksudkan;

Pertama, keperluan mengaplikasi paradigma pengajaran yang lebih konstruktif untuk subjek PKDKPM. Ianya terdiri dari;

- 1) Pendekatan filosofis - Kelebihan pendekatan ini boleh dirujuk kepada tiga perkara yang utama;
 - Pencarian dan perumusan idea atau gagasan yang bersifat mendasar (*fundamental ideas*) dalam berbagai persoalan.
 - Pengenalan dan pendalaman persoalan serta isu-isu *fundamental* dapat membentuk cara berfikir yang bersifat kritis.
 - Proses ini bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang mengutamakan kebebasan intelektual, sekaligus mempunyai sifat toleransi terhadap pelbagai pandangan dan kepercayaan yang berbeza serta bebas daripada fanatisme. (Kamaruzzaman Bustaman Ahmad, 2002)
- 2) Paradigma pengajaran yang lebih bersifat interaktif. IPTA Islam seperti Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) memilih untuk menggunakan bentuk pengajaran kuliah (satu hala) dan pendekatan tutorial (dua hala). Falsafah pedagogi pengajaran bentuk baru (Islah - tidak menolak semua elemen tradisi) ini dirangka dengan mengubahsuai paradigma pendidikan tradisional, seperti:
 - Pendekatan *student-oriented* menggantikan pendekatan *teacher-oriented* (*banking concept*). Kedua belah pihak iaitu guru dan pelajar perlu berinteraksi dalam kontek yang lebih terbuka dan kritikal. Lebih tepat lagi, pelajar perlu bertindak dengan lebih proaktif di dalam kajiannya dan menganggap gurunya hanya sebagai pembimbing dan fasilitator semata-mata. (Abuddin Nata, 2004)
 - Pendekatan yang menggalakkan pensyarah-mahasiswa menggunakan kemahiran *ICT* moden (*Virtual studies*) seperti pencarian maklumat pengajian melalui laman web internet dan persembahan pengajaran-tutorial menggunakan peralatan *ICT*. (Nik Salida Suhaila Nik Saleh, 2004) Ringkasnya, tugas guru mula tercabar dengan arus *virtual studies* ini. (Norsaidatul Akmar Mazelan, 1999) Namun begitu, sikap yang terlalu mengagungkan pendekatan *E-learning* (terlalu bergantung kepada komputer di dalam pengajaran semua bentuk keilmuan moden) bakal

mencatatkan peranan pendidikan insan yang sepatutnya dimainkan oleh seseorang pendidik. Apa yang jelas, secanggih manapun sesebuah komputer itu, ianya mustahil untuk memainkan fungsi *spiritual touch* yang boleh membentuk kesedaran akhlak kepada seseorang pelajar. (Norsaidatul Akmar Mazelan, 1999)

Kedua, menerapkan paradigma pemikiran kritis yang lebih konstruktif dan bebas daripada elemen Taqlid di dalam disiplin pengajian Islam. Untuk itu, kita perlu ada keberanian mempelajari dan memanfaatkan mana-mana teori dan paradigm moden yang dapat menyumbang kepada pembinaan PKDKPM. Sebagai contohnya, kita perlu terbuka dan menerimapakai beberapa paradigm kritis yang dikemukakan oleh sarjana Islam moden, walaupun mungkin bakal dituduh dengan pelbagai nisbah yang negatif. Pendekatan yang dimaksudkan antara lainnya;

- 1) Paradigma yang menegaskan bahawa binaan epistemologi keilmuan Islam silam masih perlu disempurnakan oleh sarjana terkemudian. Sebagai contohnya, kita boleh merujuk kepada ilmu *usul al-fiqh*. Disiplin *usul al-fiqh* ini bukan sebagai ilmu yang statik, tertutup dan telahpun disempurnakan oleh fuqaha silam yang mustahil untuk ditokok tambah oleh fuqaha yang terkemudian. Sebagai suatu disiplin ilmu, ianya perlu sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Ringkasnya, bersesuaian dengan konsep ilmu itu sendiri, yang boleh diujikaji, dinilai kembali dan diperkemas oleh sarjana di dalam zaman yang berbeza, hal yang sama perlu diterapkan kepada disiplin *usul al-fiqh* ini. (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2002) Contoh yang mendokong pandangan ini boleh dilihat daripada perbincangan fuqaha silam sendiri, yang bermula dengan teori Amal penduduk Madinah (dibawa oleh Imam Malik), teori *Ra'y* (dibawa oleh Imam Abu Hanifah), teori Ijtihad-Qiyas (Imam Shafi'I), teori *maslahah* (dibawa oleh Shatibi) dan banyak lagi teori lain tentang pendekatan di dalam *usul al-fiqh* yang dikemukakan oleh fuqaha Islam sepanjang zaman. (Akh Minhaji, 1997) Kesemua teori-teori ini menunjukkan bagaimana fuqaha Islam memahami tentang sifat kesemasaan disiplin *usul al-fiqh* ini yang mengalakkan dan mengakui faktor penggunaan daya intelektualism seseorang fuqaha di dalam menghadapi masalah kehidupan sezaman. Walaupun teori-teori baru di dalam disiplin *usul al-fiqh* ini sentiasa berkembang, tetapi fungsinya adalah sama iaitu untuk menterjemah wahyu Allah (paradigma tekstual) bagi menjawab persoalan hukum yang timbul di dalam masyarakat (paradigma kontekstual).
- 2) Teori yang menyatakan proses pembangunan keilmuan Islam telah menggunakan tiga pola pemikiran yang utama yang digunakan secara terpisah dan tidak dijalinan secara bersepadu. Ketiga-tiga pola ini adalah (i) **pendekatan Bayani** (lebih berasaskan kepada teks, manakala akal dianggap sebagai bersifat sekunder), (ii) **pendekatan Burhani** yang mendasarkan diri kepada kekuatan rasio yang dilakukan melalui dalil-dalil logika) dan (iii) **pendekatan Irfani** yang biasanya digunakan oleh ahli tasawuf Islam. Ianya adalah pendekatan pemahaman yang bertumpu kepada pengalaman batiniyyah; *Zauq, Qalb, Wijdan, Basirah* dan intuisi. Untuk konteks zaman moden ini, para sarjana Islam perlu mengetahui titik kekuatan dan kelemahan ketiga-tiga tren pemikiran ini dan perlu memadukannya secara integrasi bagi menghasilkan pemikiran yang mantap dirujuk kepada penggunaan kesemua aspek positif yang terkandung di dalam ketiga-tiga tren pemikiran tersebut. Apa yang tragisnya, sejarah Islam pernah menyaksikan pertentangan yang wujud di antara kalangan fuqaha, teologian dan sufi akibat daripada perbezaan kerangka pemikiran yang digunakan ini. (Abdul hadi W.M., 2001) Atas dasar inilah, pengalaman sejarah pahit ini perlu dijauhkan agar ianya tidak berulang lagi; yang boleh dilakukan melalui medium institusi pendidikan Islam. (Mahmud Arif, 2002)
- 3) Teori penggunaan kaedah dekonstruksif terhadap warisan Islam silam. Ianya boleh dilakukan melalui dua proses utama;
 - a) Analisis pensejarahan secara kritikal. Ianya perlu menggunakan dua metode yang khusus;
 - (i) Meneliti secara kritikal terhadap tahap-tahap perkembangan pemikiran intelektual umat Islam di zaman silam yang dikatakan dapat dibahagikan kepada tiga zaman yang utama; iaitu zaman klasik yang amat murni atau zaman Rasulullah s.a.w., diikuti zaman Taqlid-Sholastik yang berkembangnya fenomena Taqlid dan zaman moden yang menyaksikan pertembungan dunia Islam dengan dominasi penguasaan dunia barat. (Ilyas Supena, 2002)

- (ii) Meneliti secara analisis arkeologi ilmu (proses gali, kaji, tapis and ambil kesimpulan) umat Islam yang dapat dibahagikan kepada tiga tahap yang utama; pertama, tahap lapisan tradisi yang murni (zaman Rasulullah s.a.w.) yang meletakkan asas *world-view* keilmuan Islam yang sebenar. Kedua, tahap lapisan yang telah tercemar dengan unsur negatif daripada pengamalan budaya Taqlid-Sholastik (*Logosentrisime*) dan ketiga, tahap lapisan yang tercemar diperkukuhkan dengan relasi kuasa politik, dikenali dengan Orthodoksi, yang biasanya sering menggunakan pendekatan yang menekan dan sering menggunakan kekerasan. Tahap ini juga menyaksikan produk pemikiran keagamaan yang dihasilkan melalui akal fikiran yang relatif sifatnya telah disakral dan cuba dianggap sebagai kebenaran mutlak yang tidak boleh dikaji secara kritikal oleh sarjana terkemudian. (Ilyas Supena, 2002)
- b) Pemakaian analisis kritikal yang perlu menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan;
 - (i) Menganalisa secara kritikal terhadap kerangka epistemologi ilmu-ilmu Islam yang dibangunkan oleh sarjana Islam silam.
 - (ii) Mendapat bantuan daripada ilmu moden seperti ilmu sains sosial dan S&T.
 - (iii) Menggunakan pendekatan yang bebas daripada fanatik mazhab dan *selecting borrowing* dengan kaedah barat moden.
 - (iv) Membahagikan tradisi khazanah keilmuan Islam kepada dua jenis; Syariah dan Fiqh. Syariah adalah bersifat mutlak, suci dan tidak terikat dengan kontekstual (sesuai untuk sebarang masa, keadaan dan tempat). Manakala fiqh pula adalah terhasil daripada usaha penganalisaan akal dan terpengaruh dengan budaya masyarakat tempatan, bukan bersifat mutlak dan boleh dikritik- ulangkaji oleh sarjana terkemudian. (Ilyas Supena, 2002)

Ketiga, menyedari hakikat bahawa sistem pengajian Islam memang cekap di dalam usaha mengesan sesuatu masalah, tetapi amat lemah sekali di dalam menyediakan jalan penyelesaian masalah. Sebagai alternatifnya, kita perlu melakukan proses *reviewing* (ulangkaji) terhadap pendekatan penyelesaian masalah yang biasanya dipakai dalam kajian keilmuan Islam. Bagi Amin Abdullah, terdapat tiga bentuk tren penyelesaian masalah yang biasanya digunakan;

- 1) Deduktif (sangat menekankan pengantungan kepaşa sesuatu nas),
- 2) Induktif (ilmu yang bersumberkan kepada reality sejarah yang difikirkan dan disusun oleh manusia)
- 3) *Abductive* (pendekatan yang bersifat *logic of discovery* dan bukannya *logic of justification*).

Bagi Amin Abdullah, tren *abductive* ini sangat sesuai digunapakai untuk konteks kajian keIslamian moden, memandangkan ianya menggunakan kerangka filsafat, yang terdiri dari enam langkah yang utama; (1) pengenalan latar belakang masalah, (2) pembentukan hipotesis, (3) interpretasi terhadap teori, (4) proses pengujian di lapangan terhadap sesuatu teori sarjana awal, (5) penganalisaan yang menggunakan kaedah induktif dan deduktif dan akhirnya (6) proses pengambilan kesimpulan. Dengan cara ini, sarjana zaman moden boleh melihat dengan jelas samada sesuatu pandangan ataupun qaul yang dikemukakan oleh sarjana silam itu masih relevan ataupun tidak dengan kehendak dan reality zaman moden. (Amin Abdullah, t.t.)

Keempat, keperluan mengamalkan paradigma reformism untuk tenaga pensyarah IPTA Islam. Ianya merujuk khusus kepada usaha menghidupkan falsafah budaya ilmu yang lebih jitu dan praktikal di dalam profesion akademik. Secara ringkasnya, budaya ilmu ini yang perlu diberikan penekanan di dalam kehidupan dapat diperincikan melalui beberapa elemen yang utama; (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1990)

- 1) Tindakan menjadikan pencarian ilmu itu sebagai matlamat utama kehidupan melebihi semua matlamat lain seperti matlamat mencari harta benda dan pengaruh.
- 2) Tindakan yang menghargai semua bentuk ilmu pengetahuan samada ianya tergolong dalam ilmu fardu Ain ataupun fardu Kifayah.
- 3) Tindakan yang menghargai semua bentuk sumber ilmu merangkumi sumber wahyu, alam semesta, diri manusia sendiri dan juga akal yang waras serta terpinpin.
- 4) Terlibat secara langsung dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyebaran ilmu pengetahuan.

- 5) Bertindak mengikut perkiraan ilmu yang benar dan bukannya mengikut dorongan ilmu yang salah serta hawa nafsu.
- 6) Pencapaian ilmu perlu dijemakan dalam bentuk praktikal melalui akhlak yang mulia. Tidak ada gunanya, seseorang itu memperolahi pencapaian akademik yang tinggi seandainya tidak mempunyai akhlak yang mulia.
- 7) Bersikap hormat-kritis terhadap pandangan sarjana silam dengan perkiraan dan neraca kebenaran yang berteraskan sumber wahyu.
- 8) Bersikap selektif terhadap semua bentuk ilmu pengetahuan menggunakan pendekatan tauhid.
- 9) Bertindak mengamalkan semua ilmu yang dimiliki secara bersepadu.
- 10) Proses pencarian ilmu seperti belajar dan meluaskan pembacaan dijalankan seumur hidup.

Kelima, memberikan penekanan yang lebih bersifat Quranik terhadap gagasan pemikiran kritis. Bertentangan dengan apa yang sering difahami oleh agama lain dan turut dipegang oleh sesetengah kalangan ulamak Islam silam yang begitu memusuhi ataupun memandang negatif terhadap peranan akal manusia, kita perlu menekan paradigma Islam yang bersifat *rationalistic*, yang dicirikan;

- 1) Menentang keras amalan budaya Taqlid iaitu amalan yang menerima pendapat orang lain tanpa usul periksa secara teliti. Amalan ini perlu ditolak sama sekali membabitkan aspek akidah dan syariah, kerana kesan daripada amalan ini akan merosakkan daya keupayaan akal manusia yang pada dasarnya bersifat mulia.
- 2) Persoalan akidah dan syariah Islam perlu diterima secara menggunakan neraca perkiraan akal yang waras dan tidak ada perkara yang bersifat dogmatik yang tidak boleh dipersoalkan oleh akal yang waras.
- 3) Islam adalah bersifat mesra akal yang sihat serta turut mengalakkan proses mengawal, menajam dan menyuburkan kapasiti akal sehingga ke tahap yang paling maksima melalui proses latihan dan pengamalan budaya ilmu.
- 4) Kemampuan akal manusia adalah cukup tinggi, hinggakan ianya mengatasi kemampuan makhluk Allah yang lain, termasuklah haiwan, malaikat dan syaitan itu sendiri. (Abdul Mujib, M. Ag., 1999) Apa yang lebih penting lagi, bersesuaian dengan konsep budaya ilmu Islam, potensi akal ini bukan hanya perlu diketahui secara kosong semata-mata bahkan perlu terus dibangunkan melalui penyelidikan ilmiah untuk diterapkan kepada institusi pendidikan. (Majid Ersan Kailani, 1997)
- 5) Kepentingan mengamalkan bentuk pemikiran kritis yang sihat dan bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, yang terdiri;
 - ❖ pendekatan berfikir secara autokritik menggantikan kaedah berfikir secara bentuk pembenaran. Kaedah pembenaran ini merujuk kepada cara berfikir yang tidak mengakui kelemahan diri sendiri, suka berdoloh dalih dan mengaitkan sesuatu kelemahan yang berlaku kepada orang lain, kerana pada anggapannya dirinya serba cukup dan sempurna. (Quran 42:30; 53:32; 7:22-23)
 - ❖ Pendekatan berfikir secara kritikal dan tidak membuta tuli di dalam menghadapi sesuatu isu penting yang timbul di dalam masyarakat.
 - ❖ Pendekatan berfikir secara menyeluruh menggantikan berfikir secara sebahagian. (Quran 10:39) Pemikiran secara menyeluruh ini merujuk kepada pengetahuan terhadap sesuatu secara mendalam dengan mengetahui ciri-ciri, perincian dan hubungannya diantara perincian tersebut. (Quran 3:7 dan 2:256)
 - ❖ Pendekatan berfikir secara reformatif menggantikan berfikir secara jumud dan tradisional (Quran 43:23 dan 2:170)
 - ❖ Pendekatan berfikir secara ilmiah menggantikan berfikir secara prasangka (Quran 17:36 dan 18:15) dan mengikut hawa nafsu. (Quran 53:23 dan 28)
 - ❖ Pendekatan berfikir sesuai dengan hukum alam menggantikan berfikir secara supra rasional dan tahyul. (Quran 33:38)
 - ❖ pendekatan berfikir secara berperancangan rapi (blueprint) dan bukannya secara retorik semata-mata. (Muhammad Kamal Hasan, 1996)

Keenam, kepentingan menekankan prinsip idealism Islam di dalam proses pembentukan PKDKPM. Dalam soal ini, mengikut Majid Ersan Kailani, sejak awal lagi, melalui keterangan al-Quran dan Sunnah, penetapan tentang idealism Islam di dalam kehidupan bermasyarakat telahpun diperincikan dengan cukup rapi dan teliti oleh Rasulullah. Idealism Islam ini mengikut tahap-tahapnya boleh dibahagikan kepada tiga tahap yang utama;

- 1) Tahap rendah; idealism untuk memenuhi keperluan biologi masyarakat. Contohnya boleh dilihat daripada neraca pembangunan material ala barat yang menegaskan sesuatu negara itu akan dianggap sebagai maju seandainya ianya memiliki tiga indek pertunjuk yang utama; (i) Kadar KDNK yang tinggi, (ii) Kadar literasi yang tinggi dan (iii) kadar penduduk panjang umur yang memuaskan kerana kewujudan system kesihatan yang baik. Neraca ini walaupun sering dicanangkan sebagai bertaraf dunia, jika dinilai dari sudut kerangka penilaian idealism Islam, ianya boleh dianggap sebagai masih belum lengkap lagi dan hanya bertaraf rendah.
- 2) Tahap pertengahan; idealism meneruskan kesinambungan zuriat masyarakat.
- 3) Tahap paling tinggi; idealism memperbaiki kualiti hidup beragama masyarakat. Hal ini walaupun kelihatannya terlalu ideal dan agak mustahil untuk dicapai, tetapi ianya wajib diterapkan sebagai keperluan terpenting di dalam masyarakat melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan system undang-undang Islam.

Ketujuh, perlu mengamalkan sikap selektif dengan genre keilmuan luar, termasuklah daripada barat. Berasaskan sifat genre orientalism yang rata-ratanya bersifat anti Islam (Asaf Husain, 1984) dan diusahakan oleh sarjana bukan Islam telah menyebabkan sesetengah pihak mengambil sikap negatif dan pasif (tidak mempedulikan) dengan menentang keras dan menafikan unsur-unsur kebaikan yang kedapatan di dalam karya tersebut. Malahan terdapat setengah pihak yang menyatakan bahawa sesiapa yang belajar daripada golongan orientalis akan dianggap sebagai musuh ummah Islam, pengikut syaitan dan penyambung lidah orientalis, yang wajib ditentang keras oleh seluruh umat Islam. (Abdul Rahman Abdullah, 1997) Bahkan mengikut pendapat Wan Mohd. Nor Wan Daud, terdapat sejumlah besar dari sarjana Islam sendiri yang telah dijangkiti penyakit *westophobia*, sikap takut dan benci yang tidak rasional terhadap Barat. Pada dasarnya, penyakit ini adalah serpihan daripada penyakit akal, *xenophobia* yang menyebabkan penghidapnya sentiasa takut kepada unsur-unsur luar. (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999)

Dalam sejarah tradisi keilmuan Islam, kita dapat melihat bagaimana kebanyakan sarjana Islam telah memberi respon yang positif terhadap karya bukan Islam dengan mengkaji pendapat mereka serta secara teratur telah mengemuka dan menjawab kelemahan pendapat mereka. (Muhammad Abdul Rauf, 1995 & Mohd Fauzi Hamat, 2002) Apa yang lebih menarik lagi, sifat yang prihatin ini tidak terhad kepada karya golongan bukan Islam semata-mata, bahkan turut dilakukan terhadap sesama Islam, yang sayangnya telah diresapi dengan sifat fanatik dan taasub mazhab yang melampau. (Mahmood Zuhdi Ab Majid, 1992)

Terdapat beberapa elemen positif yang boleh dipelajari daripada genre orientalisme, seperti;

- 1) Pemakaian pendekatan filosofis ini yang dipakai sepenuhnya dalam sistem studi keilmuan Islam di Barat telah mencetuskan pelbagai dinamisme yang berkaitan dengan perkembangan metodologi terkini dan dapatan kajian yang lebih bersifat terbuka. (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2002) Sistem studi Islam Barat yang berteraskan falsafah filosofis - sejarah ini memang bersifat terbuka dan tanpa sifat fanatik walaupun terhadap tokoh ternama orientalis sendiri. Pendekatan ini telah menjadikan karya sarjana Islam dan orientalis (seperti karya Ignaz Goldziher, Joseph Schacht, Patricia Crone, John Burton dan sebagainya) sebagai bahan kajian yang amat digalakkan kepada setiap mahasiswa untuk **menganalisa, mengkritik dan mengemukakan pandangan baru** dalam setiap isu yang dibentangkan. Pendekatan ini mendapat dorongan dan pengawasan sepenuhnya oleh para pengajar yang rata-ratanya terdiri dari kalangan sarjana orientalis sendiri. (Ratno Lukito, 1997) Hasilnya, pelajar dilatih dan dipaksa untuk bersikap kritikal sehingga melahirkan pelbagai teori baru yang

- diutarakan oleh sarjana orientalis sendiri yang mengkritik dan menolak sama sekali teori lama ala *reductionist* yang berkaitan dengan ajaran Islam. (Ach. Minhaji, 1997)
- 2) Pendekatan yang mementingkan pemerhatian terhadap perkembangan metodologi terkini dalam sesuatu kajian terhadap Islam. Mengikuti amalan pengajian di Barat, sesuatu kajian yang baik perlu mengikuti perkembangan sesuatu teori baru dan metodologi kajian ilmiah yang sentiasa berkembang. Pada mulanya kajian yang diusahakan oleh orientalis tidak menggunakan kaedah ilmiah yang betul seperti menggunakan sumber mitos (E.E. Calverly, 1958) yang bersifat anti kepada Islam, (Norman Daniel, 1966) tetapi hal ini telah mula berubah apabila genre orientalisme Barat telah terpengaruh dengan perkaedahan saintifik yang dibawa oleh gerakan renaissans. (Mohd Natsir Mahmud, 1997) Berbanding dengan keadaan dunia akademik umat Islam pada masa itu yang berpusat di Timur Tengah yang terjebak dalam budaya taqlid dan mengabaikan pengetahuan sains, (Taha Jabir al-Alwani, 1991) dunia akademik Barat yang berpusat di Eropah ternyata telah menerimapakai kaedah saintifik ini yang menjadikan mereka lebih bersifat progresif dengan pelbagai pencapaian sains dan teknologi yang agak tinggi. (Idris Zakaria, 2000) Kemudiannya, bidang pengajian orientalis Barat yang menumpukan perhatian terhadap masyarakat di sebelah Timur, yang termasuk dalam kategori ilmu kemanusiaan telah turut diresapi dengan elemen perkaedahan saintifik ini. (Mohd Natsir Mahmud, 1997)
 - 3) Bentuk kajian yang mengandungi kaedah analisis gejala sosial yang agak baik seperti mana halnya tradisi keilmuan Islam mempunyai kaedah analisis teks yang cukup baik terangkum dalam ilmu *usul al-fiqh*. (Louay M. Safi, 1998) Berasaskan kaedah sains sosial ini telah menyebabkan terdapat sesetengah orientalis telah memberikan gambaran yang agak baik terhadap Islam dan merakamkan kepada masyarakat akademik dunia tentang peranan yang telah dimainkan oleh Rasulullah s.a.w. (Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, 2000)
 - 4) Bentuk kajian yang kaya dengan unsur-unsur *mechanical analysis data* yang dibuat terhadap karya-karya tradisi Islam. Sebagai lanjutan dari penggunaan pendekatan historisisme dan fenomenologi, sarjana orientalis telah berusaha melakukan analisis data terhadap karya-karya klasik umat Islam. Antara bahan-bahan yang dimaksudkan ini adalah seperti *Index Islamicus*, *Encyclopedia of Islam*, *Mu'jam al-Quran* dan *Mu'jam al-Sunnah*, terjemahan tafsir Quran, *Sirah Nabawi* dan terjemahan terhadap karya-karya sintesis fuqaha silam. (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1996) Hasilnya, kajian bentuk ini telah membantu proses penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang penyelidik termasuklah penyelidik Islam sendiri.

Begitu juga halnya dengan formula pembangunan barat. Kita perlu mengamalkan sikap selektif terhadap formula pembangunan barat. Kita sering menyatakan keunggulan formula Islam, termasuklah dalam soal kepimpinan dan merendah-rendahkan formula pembangunan barat. Namun apa yang menjadi masalahnya : kenapakah negara dan kepimpinan umat Islam masih berada dalam keadaan yang amat mundur, dilihat dari segi kualiti dan integriti, berbanding dengan masyarakat barat. Bahkan sebaliknya pihak barat yang lebih menonjol dalam soal membangunkan pelbagai teori kepimpinan moden, termasuklah yang mengabungkan antara pendekatan kebendaan dan spiritual. Dalam soal ini, beberapa perkara perlu diberikan perhatian ataupun imput berguna untuk proses berfikir bagi umat Islam;

- Teori dan formula pembangunan barat adalah cukup dinamik dan sentiasa berubah. (Abdul Rahman Embong, 2003)
- Realiti masyarakat dan kepimpinan politik barat yang lebih telus dan demokratik (*civil society*).
- Barat amat menitikberatkan dalam soal penjagaan sistem ekologi dunia.
- Realiti kepimpinan politik barat yang lebih suka berpegang kepada hasil R&D yang dijalankan oleh para ilmuan.
- Tahap kemajuan ekonomi masyarakat barat yang lebih maju, khususnya membabitkan penguasaan dunia barat terhadap seluruh system di dunia, antara lainnya kerana dunia barat memiliki kecanggihan ilmu pengetahuan dan seterusnya mampu mendominasi semua elemen kehidupan dunia moden.

Mengikut Hashim Musa, Amerika Syarikat sebagai tamadun teras barat kini mendahului Negara-negara lain di dunia dalam pelbagai bidang kira-kira 20 tahun ke hadapan, seperti;

- Mendahului bidang teknologi.
- Memiliki sifat keusahawanan yang tinggi.
- Setiap lapisan rakyatnya digalakkan membuat eksperimen dan inovasi yang bermula daripada kosong. Contohnya, apa yang dijalankan oleh Microsoft dan Dell Computers.
- Membenarkan tenaga muda dalam organisasi bersuara dan memimpin jika berupaya.
- Berjaya memupuk dan memanfaatkan akal fikiran tenaga muda yang aktif dan produktif untuk kemajuan organisasi dan komuniti.

Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat kita tegaskan bahawa pengenalan subjek PKDKPM di IPTA Malaysia memang patut disokong sepenuhnya agar usaha untuk melahirkan modal insane yang kompeten seperti mana ditetapkan dalam RMK-9 berjaya dilaksanakan. Merujuk khusus kepada IPTA aliran Islam di Malaysia, program penerapan subjek PKDKPM masih menemui jalan buntu, yang perlu segera diatasi. Setakat yang telah dibentangkan dalam artikel ini, terdapat beberapa cadangan alternatif yang perlu dijalankan seandainya program penerapan subjek PKDKPM ini mahu dijayakan. Ianya merangkumi perubahan pedagogi pengajian, pemakaian teori pemikiran kritis dan penyelesaian masalah bentuk baru, program menghidupkan budaya ilmu di kalangan tenaga akademik, mengamalkan sikap selektif terhadap sumber luar dan penetapan standard pemikiran kritis yang lebih Islamik. Terus terang ditegaskan di sini, semua cadangan ini agak sulit dilaksanakan, seandainya anjakan paradigm keilmuan Islam bentuk baru tidak direalisasikan untuk semua warga IPTA aliran Islam.

Rujukan

- Abdul Hadi W.M. (2001). *Tasawuf yang Tertindas : Kajian Hermeneutic Terhadap Karya-Karya Hamzah Fansuri*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Abdul Rahman Abdullah. (1997). ***Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran***. Jakarta.
- Abdul Rahman Embong. (2003). *Pembangunan dan Kesejahteraan : Agenda Kemanusiaan Abad Ke-21*, Syarahan Perdana Jawatan Professor, pada 26 September 2003. Bangi: Penerbit UKM.
- Abu Bakar Hamzah. (1981). *Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908*. Kuala Lumpur.
- Abuddin Nata. (2004). *Sejarah Pendidikan Islam: Pada Periode Klasik dan Pertengahan*. Jakarta: Rajawali Press.
- Akh. Minhaji. (1997). "Kontribusi Dr Wael Hallaq dalam Kajian Hukum Islam", dalam (ed.) oleh Yudian W. Asmin, *Pengalaman Belajar Islam Di Kanada*. Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- Asaf Husain. (1984). "The Ideology of Orientalism", dalam *Orientalism, Islam and Islamist, Vermont*.
- Calverley, E.E. (1958). *Islam: An Introduction*. The American University in Cairo Press.
- Ibrahim Abu Bakar. (1994). *Islamic Modernism in Malaya*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Idris Zakaria. (2000). "Mengapa Melayu Tiada Ahli Falsafah", dalam *Pemikir*. Oktober-Disember 2000.
- Ilyas Supena. (2002). *Dekonstruksi dan Rekonstruksi Hukum Islam*. Yogyakarta: Gama Media.
- Kamaruzzaman Bustaman Ahmad. (2002). *Islam Historis; Dinamika Studi Islam di Indonesia*. Yogyakarta: Galang Press.
- Safi, Louay M. (1998). *Truth and Reform : Exploring The Patterns and Dynamics of Historical Change*. Kuala Lumpur : Open Press Publication.
- _____ (1998). *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat*. (terj.) Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur.

- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mahmud Arif. (2002). "Pertautan epistemology Bayani dan Pendidikan Islam Masa Keemasan", dalam *al-Jamiah*, Vol. 40, No. 1.
- Majid Irsan Kailani. (1997). *Mendidik Peribadi*. (terj.) Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- _____ (2000). *Kebangkitan Generasi Salahuddin dan Kembalinya Jerusalem ke Pangkuan Islam*. Abdullah Abbas (terj.), Kuala Lumpur : Thinker Libraries.
- Mohamad Kamil Abdul Majid. (2001) "Pertembungan Tamaddun Islam Dengan Kolonialisme Barat", *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mohsin Mohamad, "Kemahiran Berfikir di Alaf Baru", dalam (ed.) oleh Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron, *Pengajian Umum di Alaf Baru*.
- Mohd Fakhruddin Abdul Mukti. (2000). "Manusia Terhutang Budi kepada Nabi Muhammad S.A.W.", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil 11.
- Mohd Fauzi Hamat. (2000). "Penghasilan Karya Sintesis Antara Mantik dan *Usul al-Fiqh* : Rujukan kepada Kitab *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, karangan Imam Al-Ghazali (M. 505H/1111M)", dalam jurnal *AFKAR*, bil. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Mohd Natsir Mahmud. (1997). *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*. Semarang.
- Muhammad Abdul Rauf. (1995). *The Muslim Mind: A Study of The Intellectual Muslim Life During The Classical Era (101-700H)* Kuala Lumpur.
- Muhammad Kamal Hasan. (1996). *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (1996). "The Philosophy and The Nature of Islamic Research", dalam *Conceptual and Methodological Issues in Islamic Research*. Kuala Lumpur.
- Nik Salida Suhaila bt Nik Saleh & Syahirah bt Abdul Shukor. (2004). "E-learning in Islamic Studies: Possibilities and Challenges in Malaysia", dalam *Prosiding Islam : Past, Present and Future-International Seminar on Islamic Thoughts*. anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia.
- Daniel, Norman. (1966). *Islam, Europe and Empire*. Edinburgh.
- Norsaidatul Akmar Mazelan dan Mohd. Fauzan Noordin. (1999). "Manpower and Training Issues in Relation to The Development of The Multimedia Super Corridor", dalam (ed.) oleh Abu Bakar Abdul Majeed, *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur : IKIM.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2003). "Konsep Tajdid dan Pemikiran Islam Dr. Mahathir : Satu Analisis", dalam *Prosiding Seminar Dr. Mahathir Pemikir Islam Abad Ke 21*. anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.
- _____ (2002). "Epistemologi Hukum Islam : Satu Pengenalan", dalam *Jurnal Usuluddin*. bil. 15, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- _____ (2002). "Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Satu Analisa", dalam jurnal *Afkar* bil. 3, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- _____ (2000). "Orientalisme Dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis", dalam *Jurnal Syariah* Vol. 9, Bil. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ratno Lukito. (1997). "Studi Hukum Islam antara IAIN dan McGill", dalam (ed.) oleh Yudian W. Asmin, *Pengalaman Belajar Islam di Kanada*. Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (1999). *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Quran*. Kuala Lumpur.
- Taha Jabir al-Alwani. (1991). "Taqlid and the Stagnation of the Muslim Mind", dalam *The American Journal of Social Sciences*. Vol. 8, No. 3, 1991.
- _____ (1991). "Taqlid and The Stagnation of The Muslim Mind", dalam *The American Journal of Social Sciences*. Vol. 8, No. 3.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (1990). “Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 3, Bil. 1.

Prof. Madya Dr. Datin Paizah Ismail,
Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim,
Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin
Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Lembah Pantai 50603, Kuala Lumpur.
Telepon : 03-79676080/ 012-3192177.
Email : faqir_ila_rabbih@um.edu.my
Email : Rahimin_afandi@hotmail.com

PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA MAHASISWA MELALUI PENERAPAN PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH: SUATU PENDEKATAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI IPT

Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim

Abstrak : *Falsafah Pendidikan Negara secara sepintas lalu ada menyentuh tentang kepentingan pendidikan iaitu untuk membangunkan aspek-aspek intelektual dengan meningkatkan daya berfikir selain daripada aspek-aspek moral, sosial dan juga emosi. Justeru untuk merealisasikan visi ini, kerajaan khususnya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah memperkenalkan Kemahiran Insaniah (KI) kepada semua pelajar IPT yang meliputi kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah. Penerapan kemahiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah merupakan pendekatan pengajaran yang penting yang perlu diintegrasikan dalam kurikulum institusi pendidikan tinggi. Pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan mampu menyelesaikan masalah merupakan kunci kepada arus perubahan dan kemajuan individu dalam kehidupan semasa bergelar mahasiswa dan juga setelah tamat belajar. Kedua-dua kemahiran ini penting bagi memastikan pelajar memiliki pemikiran tahap tinggi yang diperlukan bagi menghadapi alaf baru setelah melangkah keluar dari alam kampus. Justeru itu, kertas kerja ini akan memfokuskan aspek-aspek penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi sebagai salah satu langkah dalam membentuk akhlak mahasiswa yang mulia. Penerapan kemahiran ini merupakan salah satu bentuk pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan bukan sekadar menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik, malah juga cemerlang dari sudut akhlak dan emosi.*

Katakunci: akhlak, pemikiran kritis, pengajaran

Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Negara secara sepintas lalu ada menyentuh tentang kepentingan pendidikan iaitu untuk membangunkan aspek-aspek intelektual dengan meningkatkan daya berfikir selain daripada aspek-aspek moral, sosial dan juga emosi. Antara unsur-unsur penting kurikulum adalah bertujuan untuk membina intelek dan mengembangkan daya pemikiran untuk menghuraikan, mencerakinkan, menaakul, merumuskan dan menghasilkan idea-idea yang bernas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Justeru untuk merealisasikan visi ini, kerajaan khususnya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah memperkenalkan kemahiran insaniah (KI) kepada semua pelajar IPT yang meliputi kemahiran berfikir secara kritis dan mampu menyelesaikan masalah. Ia merupakan salah satu elemen penting yang perlu dikuasai oleh para pelajar meliputi kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada pelbagai bidang yang diceburi.

Nilai-nilai pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah diterapkan dalam kurikulum pengajian bertujuan melahirkan graduan yang serba boleh, berfikir dengan kritis dan kreatif dan memiliki kecemerlangan akhlak dalam kehidupan realiti sebenar setelah melangkah keluar dari alam kampus. Dengan kata lain kemahiran ini mampu melahirkan generasi yang menepati ciri-ciri modal insan yang harus dilihat secara menyeluruh membabitkan semua aspek kehidupan dalam individu dan masyarakat di negara ini. Oleh itu, terdapat pelbagai aspek yang perlu diberi penekanan dalam usaha membina modal insan yang bersepadu, iaitu ilmu pengetahuan, daya intelek, kemahiran, tahap peningkatan ekonomi, kebudayaan dan sebagainya.

Pengajaran Dan Pembelajaran di IPT

Sistem Pendidikan Islam yang telah digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah mampu menyempurnakan keperluan akal manusia dalam pelbagai bidang. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan pelbagai jenis pendekatan dan kaedah pengajaran yang efektif

mampu menghasilkan generasi pelajar yang menyediakan akal untuk aktif berfikir secara kritis, inovatif dan kreatif sebagai agen perubahan bangsa dan negara.

Pengajaran dan pembelajaran adalah proses yang amat penting dalam pendidikan untuk mempelajari ilmu, menguasai pelbagai kemahiran dan membina sahsiah diri dalam usaha untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan berketrampilan, serta memperolehi keintelektualan dan keperibadian yang mantap. Oleh itu, pendekatan dalam pengajaran merupakan satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada pelajar dengan tujuan untuk membawa perubahan di kalangan mereka. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, para pendidik hendaklah memastikan bahawa semua kemahiran penting telah diterapkan melalui proses pengajaran seperti kemahiran berfikir secara kritis, membaca dan mendengar, berhujah, memberi pendapat, menganalisa dan lain-lain.

Menurut kamus Dewan, pendidikan berasal daripada kata kerja '*didik*' yang bererti pelihara, jaga dengan hati-hati atau ajar manakala perkataan '*pendidikan*' bermaksud perihal mendidik atau pengetahuan mendidik. Dalam bahasa inggeris, pendidikan disebut sebagai '*education*', yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah bahasa latin iaitu *e'ex* dan '*ducereeduc*'. *E'ex* bererti 'keluar' dan '*ducereeduc*' bererti 'memimpin' yang dapat diadaptasikan sebagai mengumpulkan maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat. Dengan erti kata lain, pendidikan ialah menyerapkan ilmu pengetahuan ke dalam bentuk teori serta melakukan latihan dalam bentuk praktik dalam membentuk peribadi dan watak serta mencungkil bakat yang terpendam (Haji Abdullah Ishak, 1995).

Pendidikan dalam Islam merupakan suatu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah s.w.t. yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Ghazali Darusalam, 2004).

Definisi Pemikiran Kritis Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Berfikir selalu dikaitkan dengan akal dan dalam al-Quran perkataan yang merujuk kepada akal disebut sebanyak 40 kali (Som Hj. Mohd Dah Mohd Ramli, 1998). Al-Quran telah mengemukakan beberapa panduan kepada manusia agar mereka dapat menggunakan akal mereka dengan cara yang sebaik-baiknya, supaya mereka menemui kebenaran. Panduan al-Quran ini terkandung dalam gesaan al-Quran agar umat Islam menolak keraguan dalam perkara yang pasti, tidak mengikut hawa nafsu dan emosi, menolak taklid buta kepada nenek moyang dan menolak ketaksuban kepada pemimpin (Azmi Mamat, 2005).

Istilah 'pemikiran kritis' merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu pemikiran dan kritis. Istilah pemikiran berasal dari kata dasar fikir yang bermaksud ingatan, angan-angan, akal, sangka, anggapan, pendapat dan kira (Noresah bt Baharom, 2005). Manakala istilah kritis pula berasal daripada perkataan Inggeris *critic*. *The Oxford English Dictionary* (1989) ada menjelaskan mengenai kata dasar kritis yang berasal dari perkataan Greek *kriths* (*Kritikos*) yang bermaksud menimbang (*judge*). Manakala Kamus Dewan pula menjelaskan perkataan kritis dengan maksud tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu) atau bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat) (Noresah bt. Baharom, 2005).

Penggunaan perkataan pemikiran kritis dalam bahasa Arab mempunyai pelbagai istilah yang sama maksudnya dari segi literal seperti *al-fikr al-naqdi* yang diungkapkan oleh al-Qarni (N.S Doniach, 1972; Munir Ba'albaki, 1995; Elias A. Elias & Ed. E. Elias (t.t). Manakala Yusuf al-Qaradawi (1996) pula menggunakan kalimah akal/minda ilmiah (*al-'aqliyyah al-'ilmiyyah*) yang merujuk kepada perkataan pemikiran kritis.

Definisi pemikiran kritis menurut sarjana Barat seperti Michael Scriven dijelaskan seperti berikut, iaitu “*Critical thinking is skilled and active interpretation and evaluation of observations and communications, information and argumentation*” (Alec Fisher, 2002). Sementara menurut Bassham (2002), pemikiran kritis meliputi pelbagai kemahiran kognitif dan intelektual yang diperlukan bagi mengenalpasti, menganalisis dan menilai hujah dan kesahan sesuatu idea dengan berkesan. Dalam erti kata lain, pemikiran kritis bukannya suatu pemikiran yang bersifat negatif, sebaliknya ia adalah pemikiran yang berasaskan kepada kejelasan, kepersisan, ketepatan, kaitan, konsistensi ketepatan logikal, kesempurnaan dan keadilan.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, al-Ghazali menyatakan bahawa akal perlu dirangsang, digerakkan dan diberi perhatian kerana walaupun akal seseorang individu mempunyai “daya lihat”, namun masih banyak lagi perkara yang tidak mampu dijangkau oleh akal. Sebagai contoh bentuk rangsangan yang diberikan melalui kata-kata para hukama’ dan yang paling agung iaitu *kalamullah* s.w.t. iaitu al-Quran yang berbentuk perkataan (Abdul Salam Yussof, 2003). Beliau menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan satu proses penelitian dan kajian yang mendalam bagi memperolehi sesuatu maklumat. Menurut beliau:

“Apabila anda mengadakan penyelidikan terhadap ilmu, pasti anda akan melihat kelazatan pada ilmu tersebut. Oleh itu, tujuan mempelajari ilmu ialah kerana ilmu itu sendiri” (Abdul Salam Yussof, 2003).

Konsep dan pengertian pemikiran kritis juga diterima oleh sarjana tempatan seperti Mohd Michael Abdullah (1995) yang mendefinisikan pemikiran kritis sebagai penggunaan operasi berfikir yang asas untuk menganalisis, mentafsir dan menilai sesuatu hujah dengan mendalam. Ia juga dirujuk kepada bentuk pemikiran yang menimbang baik buruknya sesuatu perkara dengan teliti. Pemikiran kritis amat menekankan tentang soal fakta (benar/ salah) soal bahasa (jelas/ kurang jelas), dan terutama sekali soal susunan hujah (sah/ tidak sah) bagi sesuatu perkara.

Sarjana tempatan lain seperti Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2005) menjelaskan bahawa berfikir secara kritis digunakan untuk mengenalpasti kesilapan, kelemahan, kekurangan dan kesalahan pada cara berfikir yang digunakan pada apa-apa idea dan cadangan.

Berdasarkan penelitian definisi di atas menunjukkan bahawa pemikiran kritis merupakan suatu kemahiran berfikir yang melibatkan beberapa kemahiran seperti kemahiran menilai maklumat, kemahiran menilai hujah secara rasional dan logik, kemahiran menyelesaikan masalah dan lain-lain lagi. Semua kemahiran ini mempunyai perkaitan yang rapat dalam mendidik akhlak mulia mahasiswa yang bakal menerajui negara suatu hari nanti.

Penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah amat diperlukan sebagai suatu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran di IPT bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja memiliki kecemerlangan akademik malah merupakan generasi yang terbilang dengan ciri-ciri modal insan. Modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai keluarga yang mantap berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegritas dan berdaya saing (Sargit Singh Gill, 2006). Kaedah penyelesaian masalah adalah bertujuan untuk memberi latihan dan sokongan semasa para pelajar untuk cuba menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Pelajar dibimbing agar memiliki kebolehan untuk mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam semua situasi terutamanya situasi yang bersifat kompleks dan kabur, serta mampu membuat penilaian yang berjustifikasi. Di sini, pensyarah hanya memainkan peranan sebagai fasilitator atau pembimbing dan bukannya pengajar. Setiap pandangan dan keputusan yang dibawa oleh pelajar diterima dengan terbuka oleh pensyarah dengan mengambil kira kesesuaian sesuatu jawapan dengan topik. Bersesuaian dengan pendapat Richard W. Paul & Linda Elder (2002), pemikiran kritis ialah:

“self-directed, self-disciplined, self-monitored, and self-corrective thinking. It presupposes assent to rigorous standards of excellence and mindful command of their use. It entails effective communication and problem solving”.

Terdapat beberapa langkah dalam kemahiran menyelesaikan masalah, iaitu:

1. Pelajar akan terlebih dahulu mengenalpasti permasalahan yang ada.
2. Maklumat atau topik-topik tentang permasalahan akan dikenalpasti.
3. Kemudian pelajar akan membuat hipotesis tentang permasalahan.
4. Setelah hipotesis berjaya ditentukan, pelajar akan menguji segala hipotesis tersebut.
5. Akhirnya pelajar akan menilai dan membuat rumusan terhadap permasalahan yang dibincangkan.

Jenis Kemahiran Berfikir Kritis Dan kemahiran Menyelesaikan Masalah

Beberapa penulis barat seperti Ennis dan O’Neill telah menyenaraikan beberapa aspek utama kemahiran pemikiran kritis seperti kemahiran mengenalpasti kesangsian atau kekeliruan dalam memberi alasan (*recognizing ambiguity in reasoning*), mengenalpasti kontradiksi dalam sesuatu hujah (*identifying contradictions in arguments*), memastikan konklusi yang digeneralisasikan dibuat berdasarkan kaedah empirikal yang betul dan tepat (*ascertaining the empirical soundness of generalized conclusions*), kemahiran membezakan antara alasan bersifat bias dari alasan yang objektif dan membezakan antara fakta dan pendapat seseorang (*ability to distinguish bias from reason and fact from opinion*) (Stephen D. Brookfield, 1987).

Sementara Zaharah Hussin (1995) merumuskan bahawa kemahiran berfikir kritis meliputi beberapa kemahiran utama, iaitu kemahiran mengumpul maklumat, kemahiran membuat keputusan, kemahiran membentuk inferensi dan kemahiran membentuk analogi.

Berdasarkan kenyataan di atas, beberapa jenis kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dipilih untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang difikirkan penting dalam disiplin dan kurikulum di IPT bagi melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segi akademik, akhlak dan emosi.

Penerapan Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Proses P&P

Melalui pendidikan yang benar dan tepat, penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan, akhlak individu dapat dibentuk dan seterusnya segala kegiatan yang tidak bermoral akan dapat dikawal dan dihapuskan. Oleh yang demikian, penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sewajarnya menjadi teras dalam membangunkan sikap dan mental individu, cara untuk berfikir, keinsafan diri, ketahanan perjuangan dan kefahaman tentang hala tuju realiti sezaman yang pantas berubah.

Ennis (1996) menyenaraikan enam unsur asas yang diperlukan dalam pemikiran kritis yang dikenali sebagai FRISCO (*focus, reasons, inference, situation, clarify* dan *overview*). Namun, bagi membantu para pelajar kini menguasai kemahiran berfikir secara kritis, pihak kerajaan khususnya IPT telah menghasilkan satu modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) kepada semua pensyarah di IPT sebagai garis panduan bagi mempraktikkan *soft skills* ini kepada semua pelajar agar dapat membangunkan sendiri bukan sahaja di alam pengajian bahkan dapat mendidik mereka supaya mengimplimentasi kemahiran berfikir kritis dan menyelesaikan masalah dalam semua aspek kehidupan mereka nanti.

Antaranya ialah kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (*Critical Thinking and Problem Solving* (CTPS) yang melibatkan kebolehan berfikir, yang telah disenaraikan oleh pihak IPT kepada para pelajar. Kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah biasanya melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasi pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) Untuk IPT, 2006). Kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah tergolong dalam "Kemahiran Insaniah Mesti" (KIM) yang merupakan kemahiran yang mesti dimiliki oleh setiap pelajar IPT. Pelajar yang tidak memiliki kemahiran ini dianggap tidak kompeten dalam elemen berkaitan. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) Untuk IPT (2006) menyenaraikan tujuh tahap kemahiran CTPS iaitu:

Tahap	Kemahiran	Keterangan
CTPS 1	KIM	Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur serta membuat penilaian yang berjustifikasi.
CTPS 2	KIM	Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan
CTPS 3	KIM	Kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif
CTPS 4		Kebolehan berfikir melangkaui batas
CTPS 5		Kebolehan membuat keputusan yang berdasarkan bukti yang kukuh
CTPS 6		Kebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan
CTPS 7		Kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baharu

Sumber : Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi

Pengajian Tinggi Malaysia 2006.

Memandangkan kebanyakan mahasiswa adalah terdiri daripada golongan muda mudi, jadi peringkat umur sebegini sudah pastinya memberikan suatu cabaran yang hebat kepada mereka untuk menghadapi pelbagai isu dan gejala yang boleh meruntuhkan akhlak mereka. Oleh itu, pendidikan yang berorientasikan isu, dilema dan konflik amat penting bukan sahaja mendedahkan pelajar kepada pengalaman sosial dan budaya yang kompleks tetapi untuk membentuk mereka menjadi lebih kritikal. Dalam hal ini, kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah amat diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia.

Bagi menarik minat para pelajar untuk menguasai kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, para pensyarah terlebih dahulu perlu menyediakan mekanisme pembelajaran yang kreatif. Cara ini dapat mendorong pelajar mencari, memahami, mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai maklumat tentang sesuatu topik dalam disiplin atau kursus yang dipelajari secara bebas. Tambahan pula, kurikulum pengajaran yang menekankan proses P&P berbentuk fakta atau isi semata-mata tidak relevan dalam konteks hari ini. Justeru itulah, penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam proses dan kaedah P&P dapat diaplikasikan melalui beberapa cara antaranya kuliah, kaedah soal jawab, modul atau buku teks, Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pembelajaran berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL) dan pembentangan.

Cara pertama untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran ialah melalui kuliah yang disampaikan oleh pensyarah kepada para pelajar. Kaedah ini lebih melibatkan pensyarah dalam memberi huraian, penjelasan, penerangan kepada para pelajar yang melibatkan fakta-fakta atau prinsip-prinsip secara lisan. Tujuan kaedah kuliah ini adalah untuk menyampaikan pengajaran dapat merangsang kefahaman pelajar, menjelaskan dan membuat rumusan pelajaran, membuat penelitian, mengembangkan isi pelajaran serta menyampaikan maklumat yang telah dirancang.

Pensyarah mesti mempunyai kreativiti dalam menyampaikan maklumat kepada para pelajar dengan menyediakan bahan P&P yang menarik seperti menggunakan *slide presentation* yang menarik minat pelajar untuk berfikir secara kritis. Kuliah juga perlu diberikan secara sederhana, jelas, harmoni dan menarik supaya pelajar dapat mendengar dan mengikuti setiap pengajaran yang disampaikan. Keadaan ini memudahkan para pelajar memahami dan berfikir secara kritis untuk menguasai ilmu pengetahuan berkaitan kursus yang mereka ikuti dan pelajari.

Kedua adalah melalui kaedah soal jawab. Kaedah ini dipilih kerana ia dapat membangkitkan kecerdasan, menggalakkan pemikiran dan membantu pelajar mengingat kembali fakta dan pengajaran yang diberikan oleh pensyarah. Teknik penyoalan yang digunakan dapat mendedahkan pelajar kepada kemahiran berfikir dan menguji kebolehan intelektual pelajar. Dalam kaedah ini, pensyarah boleh menggunakan kreativitinya, umpamanya dalam bentuk kuiz dan sebagainya. Penekanan soal jawab kepada soalan aplikasi, menilai, sintesis, analisis dan membuat keputusan perlu diintegrasikan dalam strategi menyoal oleh pensyarah semasa mengajar. Pensyarah juga perlu memberikan ruang kepada pelajar untuk berfikir bagi mengeluarkan pendapat secara kritikal dan analitikal tentang sesuatu perkara (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999).

Ketiga adalah melalui penggunaan modul atau buku teks rujukan kepada para pelajar. Pensyarah akan menyediakan modul atau buku teks kepada pelajar sebagai rujukan bagi memudahkan proses P&P. Pelajar yang memiliki kemahiran berfikir kritis akan dapat mengenal pasti idea-idea utama dan dapat membezakan dengan idea sokongan di dalam teks-teks yang dibaca dengan mudah. Pelajar juga berupaya menilai secara kritis apa yang dipelajari melalui kemahiran mikro tertentu, seperti membuat banding-

beza, meneliti bahagian kecil dan keseluruhan, meneliti kebernasan, mengusul periksa andaian dan mengesahkan sumber maklumat (Azlena Zainal dan Munir Shuib, 2004).

Secara tidak langsung, ia membantu pelajar menilai dan boleh berfikir melangkaui batasan pembelajaran di dalam kelas. Justeru setiap pensyarah akan bertanggungjawab menyediakan bahan-bahan yang sesuai untuk dimasukkan dalam modul pengajaran atau buku teks tersebut.

Keempat adalah berdasarkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL). Kaedah penyelesaian masalah ini bertujuan untuk memberi latihan dan sokongan semasa pelajar cuba menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa proses P&P. Pelajar akan dibiarkan sendiri untuk memikirkan sesuatu alasan dan permasalahan sama ada secara langsung dengan topik pengajaran ataupun permasalahan yang berkaitan dengan perkembangan isi pengajaran. Kaedah ini menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif tanpa bergantung kepada penjelasan dan penerangan pensyarah semata-mata. Pelajar yang berfikir kritis dapat membuat penilaian sama ada hendak menerima sesuatu alasan itu sebagai munasabah; menggunakan kriteria atau nilai tara yang dipersetujui untuk menilai alasan berkenaan, menggunakan pelbagai strategi penaaakulan dalam pelaksanaan kriteria atau standard tersebut; dan memberi maklumat yang boleh dipercayai sebagai bukti yang menyokong keputusan yang dibuat (John Arul Philips, 1997).

Pembelajaran PBL adalah salah satu cara mendidik dan menggalakkan pelajar bekerjasama dengan ahli kumpulan bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dan berfikir kritis dengan menggunakan sumber pembelajaran yang bersesuaian.

Kelima, penerapan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dapat diaplikasikan melalui Pembelajaran berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL). Berdasarkan kaedah ini pelajar akan diberi projek untuk dilaksanakan. Mereka akan belajar mereka, menyelesaikan masalah, mengambil risiko, menganalisis dan membuat justifikasi dalam proses pembelajaran melalui kaedah ini. Kebiasaannya pensyarah dirujuk sebagai fasilitator kepada para pelajar bagi menyelesaikan sesuatu projek yang berorientasikan masalah semasa. Bagi memudahkan mereka, pensyarah akan menetapkan lapan hingga sepuluh orang pelajar bagi setiap kumpulan bergantung kepada kuantiti pelajar setiap kelas.

Melalui kaedah ini, pensyarah berupaya menimbulkan minat para pelajar untuk melaksanakan aktiviti dalam bentuk dan situasi sebenar. Projek ini dapat membantu pelajar menguasai dan mempraktikkan kemahiran berfikir kritis bagi menghasilkan kajian berdasarkan pengalaman sendiri. Mereka dapat mengintegrasikan teori dan amalan dalam pelbagai situasi masyarakat dan negara sejajar dengan perkembangan teknologi global.

Seterusnya kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dapat juga diterapkan melalui cara Pembentangan (*Presentation*). Pembentangan melibatkan semua pelajar mengikut kumpulan berdasarkan tajuk projek atau kajian lapangan masing-masing. Pensyarah akan memberi panduan sebelum pelajar membentangkan hasil kajian atau projek mereka. Kriteria menjadi pembentang adalah penting bagi mendidik pelajar mempunyai kemahiran berhujah. Pelajar perlu dilatih mengemukakan hujah-hujah yang berkesan dan perbahasan yang kritis tentang sesuatu isu, topik atau kes yang berkaitan dengan diri mereka dan kepentingan orang ramai (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999).

Melalui pembentangan, pelajar dapat menyampaikan idea dan berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan lain sekaligus mempraktikkan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kursus dan disiplin yang diikuti. Melalui pembentangan pelajar dapat mempraktikkan dan membiasakan diri bercakap di khalayak ramai dengan penuh yakin, berani, petah menyampaikan idea dan sebagainya.

Kesimpulan

Kemahiran berfikir secara kritis merupakan salah satu elemen penting yang perlu dimiliki oleh para pelajar. Ia meliputi kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif dan kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang diceburi. Gelombang perubahan dalam sistem pendidikan sekarang menuntut kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang mampu menerapkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis. Kemahiran ini mampu menjadi benteng yang menyelamatkan seseorang individu daripada serangan pemikiran, ideologi dan unsur-unsur berbentuk negatif. Kepentingan kemahiran berfikir secara kritis amat diperlukan dalam kurikulum P&P di seluruh IPTA dan IPTS. Oleh itu, kemahiran berfikir secara kritis dan inovatif yang melampaui penguasaan kemahiran asas dan pengetahuan perlu diterapkan dan dikembangkan dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang menepati kriteria Falsafah Pendidikan Negara.

Bibliografi

- Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdul Salam Yussof (2003). *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd Kuala Lumpur.
- Abdullah Ishak (Haji) (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2005). *Pemikiran Reka Cipta*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Qaradawi, Yusuf, Dr. (1996). *al-`Aql wa al-`Ilm fi al-`Qur`an al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Azmi Mamat (2005). *Beberapa Aspek Pemikiran Kritis Ibn Khaldun, Kajian dalam Kitab al-Muqaddimah*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Bassham, Greg.et.al. (2002). *Critical Thinking*. USA: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Binker, A.J.A (Ed.) (1992). *Critical Thinking*. San Francisco: Foundation of Critical Thinking.
- Chua Yan Piaw (2004). *Creative and Critical Thinking Styles*. Serdang: UPM Press.
- D. Brookfield, Stephen (1987). *Developing Critical Thinkers*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Elias A. Elias & Ed. E. Elias (t.t). *Elias' Modern Dictionary English-Arabic*, ed. 10. Cairo: Elias' Modern Press.
- Ennis , R.H. (1996). *Critical Thinking*. Upper Saddle River, New Jwesey: Prentice Hall, Inc.
- Fisher, Alec (2002). *Critical Thinking: An Introduction*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Ghazali Darusalam (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jaafar Abdul Rahim, "Berpikir Secara Kritis", dalam Syed Omar Syed Agil & Alwi MohdYunus (1997), *Budaya Ilmu dan Kecemerlangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: INMIND.
- John Arul Philips (1997). *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Pukal Latihan KBSM*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. (2006) Serdang
- Mohd Michael Abdullah (1995). *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munir Ba`albaki (1995). *al-Mawrid: A Modern English-Arabic Dictionary*. Beirut: Dar El-Ilm Lil-Malayan.
- Noresah bt Baharom (et al) (ed.) (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- N.S Doniach (1972). *The Oxford English-Arabic Dictionary*. Oxford: At The Clarendon Press.

- Richard W. Paul & Linda Elder (2002). *Critical Thinking*. New Jersey: Financial Times Prentice Hall.
- Sargit Singh Gill (Dr). “Hubungan Etnik Di Malaysia Ke Arah Pembentukan Masyarakat Berintegrasi” dalam Dr. Zaid Ahmad (et.al.) (2006). *Hubungan Etnik*. Selangor: Oxford Fajar.
- The Oxford English Dictionary* (1989). 2nd Edition. vol. XI. Oxford: Clarendon Press.
- Zaharah Binti Hussin (1995). Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- (2006). *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Siri Teks Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Faridah Binti Che Husain
Seksyen Ko-Kurikulum, Elektif Luar Fakulti dan TITAS (SKET)
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Tel: 03-79675408
irdina@um.edu.my

KEMAHIRAN BERFIKIR MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Abd. Halim bin Zulkifli
Ahmad Kilani bin Mohamed

Abstrak: Menurut Kamus Dewan (2002:841) kemahiran ialah kecekapan atau kepandaian. Manakala berfikir ialah menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu. Maka kemahiran berfikir ialah kepandaian manusia menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu perkara atau masalah. Kemahiran berfikir ialah satu proses bilamana otak dan pengalaman memproses maklumat. Aktiviti memproses ini melibatkan perubahan kepada maklumat. Perubahan maklumat yang dilakukan oleh otak dan pengalaman, terjelma dalam bentuk tindakan fizikal dan mental. Tindakan fizikal atau mental atau perlakuan adalah hasil berfikir. Muslim menyedari kebesaran Allah s.w.t melalui ciptaanNya seperti bumi, bulan, bintang dan matahari adalah tanda seseorang itu sebenarnya menggunakan akalnya untuk berfikir. Justeru itu, berfikir adalah sesuatu yang menjadi tuntutan dan seharusnya dilakukan oleh manusia dalam setiap aktiviti dan tindak tanduk yang dilakukan. Namun begitu, tidak ramai di antara kita yang memahami maksud di sebalik penganugerahan akal kepada manusia. Artikel ini membincangkan tuntutan berfikir menurut al-Quran dan al-Sunnah, kaedah menguasai kemahiran berfikir, pembahagian jenis-jenis pemikiran manusia serta sumbangan Khalifah Umar al-Khattab dan tokoh sosiologi muslim Ibn. Khaldun yang membawa kepada pembangunan umat yang cemerlang dan gemilang

Katakunci: kemahiran, berfikir, perspektif Islam

Pengenalan

Manusia yang dicipta oleh tuhan sebagai khalifah atau pemimpin di muka bumi ini mempunyai berbagai keistimewaan dan kelebihan berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Kelebihan dan keistimewaan ini ialah kerana manusia dikurnialan akal. Akal fikiranlah yang membezakan secara kualitatif, di antara manusia dan haiwan. Akal atau minda adalah sumber ilmu intelek (intellectual knowledge) yang menghasilkan pengetahuan melalui proses pemikiran dan pentaakulan minda (akal). Akal adalah tempat bersemadinya kearifan dan kebijaksanaan (hikmah). Akal adalah merupakan kurniaan Allah S.W.T. yang sangat berharga kepada hambaNya. Melaluinya manusia boleh membuat pentaakulan (rationalize), membentuk konsep (conceptualize), dapat memahami (comprehend) dan sebagainya. Untuk memiliki sifat 'hikmah' (wisdom), seseorang perlulah menjalani latihan penajaman minda dan pendidikan pembersihan akal.

Di samping dikaitkan dengan otak, hikmah juga dikaitkan dengan 'qalbu' atau hati manusia. Hati adalah sumber ilmu yang menghasilkan pengetahuan melalui ilham, taufiq dan hidayah (bisikan hati dan suara qalbu). Pemberian Allah S.W.T. kepada seseorang kerana bersihnya hati yang dimiliki. Hati mempunyai keupayaan pentaakulan dan daya faham seperti kemampuan akal, boleh mengesani dan menemui kebenaran. Pengetahuan yang diperolehi melalui mata hati dapat membezakan yang benar dari yang palsu, yang betul dari yang salah, kebaikan dari keburukan. Untuk memperolehi pengetahuan bersumberkan hati, seseorang itu perlu mempunyai hati yang suci dan ini dapat dicapai melalui latihan penyucian hati (purification of the heart). Sekiranya manusia dapat menggunakan akal dan hatinyanya dalam mengeluarkan buah fikiran, maka ia dikira sebagai telah menggunakan akalnya dengan bijak. Kemahiran menggunakan buah fikiran yang baik dan berguna inilah yang bakal mengangkat darjat "keinsanan manusia berbanding haiwan". Sejarah membuktikan bahawa manusia bertindak tanpa menggunakan akal dan buah fikirannya boleh terjerumus de dalam darjat kehaiwanan, bahkan lebih dahsyat daripada itu.

Keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan yang dibuat oleh manusia ada kaitan dengan kemahiran berfikir. Sekiranya keputusan dan tindakan itu membawa natijah positif kepada dirinya dan orang lain, ia dikatakan keputusan yang berhikmah dan bijaksana. Sebaliknya, jika keputusan tidak bermanfaat kepada diri, orang lain dan alam sekelilingnya, keputusan itu dikatakan tidak bijak atau tidak berhikmah.

Betapa perlu dan pentingnya aktiviti berfikir untuk diri manusia adalah jelas sebagaimana digambarkan di dalam maksud sebuah hadis Nabi

“Berpikir sesaat itu lebih baik daripada sembahyang sunat selama tujuh puluh tahun”. Manakala di dalam kitab suci Al-Quran perkataan yang merujuk kepada kata akar *aqal* disebut sebanyak 40 kali. Allah Subhanahu Wataala (S.W.T) juga menempelak manusia yang tidak mahu berfikir. Apabila Allah S.W.T memberitahu manusia, *“Lihatlah bulan, lihatlah langit, lihatlah bintang dan fikirkan”*.

Menyedari kebesaran Allah Taala melalui ciptaannya seperti bumi, bulan, bintang dan matahari adalah tanda seseorang itu sebenarnya menggunakan akalinya untuk berfikir. Justeru itu, berfikir adalah sesuatu yang menjadi tuntutan dan seharusnya dilakukan oleh manusia dalam setiap aktiviti dan tindak tanduk yang dilakukan. Namun begitu, tidak ramai antara kita yang memahami pengertian serta selok-belok berfikir yang sewajarnya.

Definisi Kemahiran Berfikir

Menurut kamus dewan kemahiran ialah kecekapan atau kepandaian. Manakala berfikir ialah menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu. Maka kemahiran berfikir ialah kepandaian manusia menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu perkara atau masalah.

Di dalam buku belajar cara belajar ada menyatakan kemahiran berfikir ialah satu proses bilamana otak dan pengalaman memproses maklumat. Aktiviti memproses ini melibatkan perubahan kepada maklumat. Perubahan maklumat yang dilakukan oleh otak dan pengalaman, terjelma dalam bentuk tindakan fizikal dan mental. Tindakan fizikal atau mental atau perlakuan adalah hasil berfikir.

Tokoh-tokoh pemikiran di kalangan orang barat mempunyai pelbagai definisi tentang berfikir. Menurut Bartlett (1958) berfikir sebagai satu usaha mengisi maklumat yang tidak ada (iaitu interpolasi), memberi maklumat lanjutan berdasarkan maklumat sedia ada (iaitu esktrapolasi); dan menyusun semula maklumat supaya wujud tafsiran baru (iaitu mentafsir semula). Mayer (1977) melihat berfikir sebagai pengolahan operasi- operasi mental tertentu yang berlaku dalam minda atau system kognitif seseorang yang bertujuan menyelesaikan masalah.

Menurut Fraenkel (1980) berfikir ialah pembentukan idea, pembentukan semula pengalaman dan penyusunan maklumat dalam bentuk tertentu. Chaffee (1988) pula menyifatkan pemikiran sebagai proses luar biasa yang digunakan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Menurut De Bono (1985), pemikiran berlaku apabila kecerdasan bertindak dengan pengalaman bagi mencapai sesuatu. Nickerson, Perkins dan Smith (1985) melihat pemikiran sebagai suatu koleksi kemahiran atau operasi mental yang digunakan oleh seseorang.

Kemahiran Berfikir Dalam Al Quran

Al-Quran memberikan kedudukan yang sangat istimewa kepada akal. Islam menjadikan berfikir sebagai satu kemestian ke atas semua manusia. Berfikir dianggap sebagai bentuk ibadah yang tertinggi. Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah s.w.t:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا تُسَبِّحُكَ
فَقِيْنَا عَذَابَ النَّارِ

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka

Di dalam kitab suci Al-Quran perkataan yang merujuk kepada kata akar *aqal* disebut sebanyak 49 kali yang mana datang dalam pelbagai bentuk isim dan fi'il (Muhammad Fuad Abdul Baqi, 1997: 594-595). Di antara ayat Allah s.w.t yang mengajak manusia berfikir menggunakan akal sebagaimana firmanNya;

وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Dan ia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya.

Menyedari kebesaran Allah s.w.t melalui ciptaanNya seperti bumi, bulan, bintang dan matahari adalah tanda seseorang itu sebenarnya menggunakan akalnya untuk berfikir. Justeru itu, berfikir adalah sesuatu yang menjadi tuntutan dan seharusnya dilakukan oleh manusia dalam setiap aktiviti dan tindak tanduk yang dilakukan. Namun begitu, tidak ramai di antara kita yang memahami maksud di sebalik penganugerahan akal kepada manusia.

Selain itu, perkataan yang dikaitkan oleh Al-Quran berkenaan dengan berfikir juga termasuklah **Tadabbarun**. Di dalam Al-Quran perkataan **Tadabbarun** yang kata akarnya dari perkataan **dabbara** iaitu membawa maksud **perhati** telah di sebut sebanyak 44 kali. Sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran;

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Patutkan mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.

Antara perkataan lain yang mengajak manusia mengaplikasikan akal termasuklah perkataan **Tafakkarun**. Terdapat 18 perkataan yang mana asal dari kata akar **Fikr** yang digunakan di dalam Al-Quran. Ia membawa maksud **Fikir**. Contoh penggunaan kalimah ini dapat dilihat dalam Ar-Rum, ayat 21;

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Perkataan **Tanzurun** pula iaitu daripada kata akar **nazara** yang membawa maksud **lihat** atau **saksi**, juga mengajak manusia supaya sentiasa berfikir menggunakan akal. Sebanyak 129 perkataan yang berkaitan dengan nazara yang datang dalam pelbagai bentuk isim dan fi'il. Sebagai contoh Firman Allah;

وَإِذْ فَرَقْنَا بَيْنَكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ

Dan (kenangkanlah) ketika kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya.”

Ini menunjukkan bahawa salah satu cara untuk melatih kemahiran berfikir adalah melalui pemerhatian atau pengamatan terhadap sesuatu perkara itu.

Peranan hati dalam mewarnakan perwatakan, personaliti, kejayaan dan kegagalan hidup seseorang (di dunia dan akhirat) banyak dikupas dalam kitab suci Al-Quran dan hadis-hadis Rasullullah dan tulisan-tulisan ilmuan Islam yang bagitu banyak terdapat seperti Imam-Imam Al Ghazali, Hanafi, Shafiei, Hambali, Maliki dan lain-lain tokoh terkenal dalam Islam. Penulis adalah terlalu kerdil dan dhaif untuk membincangkan isu yang berkaitan dengan hati ini secara meluas dan lebih mendalam. Moga mendapat keampunan Allah atas kelemahan ini. Pada mereka yang berminat untuk mendalaminya, antara banyak kitab yang lain, bacalah kitab-kitab karangan Imam Al-Ghazali seperti ‘Ihya Ulumuddin’ dan ‘Minhajul Abidin’: Wasiat Imam Ghazali - yang banyak diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dewasa ini.

Dalam mentakrifkan Kemahiran Berfikir (KB), penulis menegaskan bahawa

“KB adalah berkait rapat dengan kebolehan seseorang insan menggunakan kedua-dua domain kognitif dan afektif dalam usaha untuk mendapatkan atau memberikan informasi, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan. Dalam lain perkataan, KB adalah kemahiran seseorang menggunakan otak (domain kognitif/aqal) dan hati (domain afektif/qalbu) nya sebagai landasan kepada keyakinan (belief) atau tindakan (actions)”.

Tokoh Pemikir Islam

6.1 Khalifah Umar Bin Al-Khatab

Khalifah Umar bin al-Khatab merupakan seorang tokoh pemikir yang hebat. Kalau kita lihat kepada perubahan yang beliau lakukan untuk membuat perubahan kepada masyarakat Islam pada masa itu memberi impak yang besar juga untuk umat Islam sekarang. Yang mana pemikirannya jauh ke hadapan dengan memikirkan apakah yang akan berlaku kepada umat Islam selepas kewafatan Rasulullah s.w.t. Beliau telah dilantik menjadi khalifah yang kedua selepas kewafatan khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Perubahan yang besar telah berlaku kepada umat Islam pada masa itu adalah disebabkan beberapa faktor, dari segi kawasan ternyata negara Islam pada zaman pemerintahannya lebih dapat dibuka maka semakin banyak masalah yang timbul dan memerlukan suatu penyelesaian yang bijak yang boleh memberi manfaat yang cukup bermakna kepada umat Islam. Disebabkan faktor beliau yang mempunyai peribadi yang besar dan berpandangan jauh maka kemampuannya dalam memahami syari'at Islamiyah menyebabkan beliau mampu membuat pembaharuan dalam pemerintahannya seterusnya melahirkan sebuah kerajaan yang kuat dan berwibawa.

Antara beberapa perubahan yang dilakukan oleh beliau

1. memperkenalkan sistem pemerintahan yang lengkap dan rapi dengan menyusun dalam pentadbiran berasaskan pengkhususan tentang penyusunan kewangan negara.
2. Membuat penentuan permulaan awal tahun Islam yang mana telah menjadi rujukan sehingga umat sekarang. Beliau membuat penetapan awal tahun Hijrah berdasarkan peristiwa Hijrah Rasulullah s.a.w ke Madinah. Bukan mengikut tarikh Rasulullah dilahirkan atau mengikut tarikh baginda menjadi Rasul. itu kerana tarikh Hijrah rasul tidak ada perbezaan di kalangan ahli sejarah,
3. Membuat penentuan baru terhadap hukum hudud iaitu sebanyak 80 sebatan kepada peminum arak yang pada asalnya sebanyak 40 sebatan
4. Menentukan hukuman rejam ke atas kesalahan zina bagi pesalah yang pernah berkahwin, ini kerana untuk mengelakkan jenayah ini berkembang dengan luas bagi mengelakkan manusia daripada melakukannya.
5. Mengharamkan nikah Mut'ah yang mana ketika zaman Rasulullah nikah ini diharuskan pada waktu perang Khaybar, kemudiannya dimansuhkan dan kemudiannya dibenarkan pula sewaktu perang Awtas dan selepas itu dimansuhkan semula kalau kita lihat perkahwinan ini diharuskan ketika itu kerana darurat.
6. Menambahkan rakaat solat Terawih dari 8 rakaat kepada 20 rakaat dan amalan ini juga masih diamalkan oleh masyarakat Malaysia sekarang.
7. Menetapkan bahawa bagi mereka yang melafazkan talaq sebanyak tiga kali dan disebut dalam satu masa boleh menggugurkan tiga talaq. Hal ini adalah untuk mengelakkan umat Islam pada ketika itu tidak mempermudah hukum talaq.
8. menjadikan harta rampasan perang sebagai harta selain daripada harta tanah. Adapun harta tanah dijadikan harta Kharaj yang tidak dibahagikan tetapi hasil pendapatannya dikenakan di kenakan dan dibayar kepada pemerintah. Perubahan ini di buat kerana tuntutan keperluan pada masa itu adalah demi kepentingan pemerintah dari segi memperkuat kedudukan tentera dan memperkuat negara yang baru di buka.

6.2 Ibn Khaldun

Ibn Khaldun menegaskan Faktor *Kekuatan Dalam berfikir Dan Menjayakan Budaya Ilmu* dengan memerhatikan bahawa umat Islam mendapat kedudukan yang mulia dan tinggi dalam dunia ini. Bila

nama umat Islam itu mempunyai kemampuan yang tinggi dalam berfikir dan juga dalam ilmu pengetahuan yang dipandu dengan keimanan mereka yang teguh akan mewujudkan suatu kekuatan ketaqwaan mereka kepada Allah dalam kegiatan berfikir dan ilmunya. Dalam kitab *Muqaddimah*nya pada bab yang membicarakan ilmu pengetahuan beliau menyebut tentang perkembangan ilmu-ilmu dalam Islam bermula dengan ilmu berkenaan dengan Quran, Sunnah, hukum, akidah, akhlak, tasawwuf, seterusnya kepada ilmu perubatan, ekonomi yang akan memungkinkan sesuatu tamadun Islam itu berkembang dengan jayanya. Muslimin memainkan peranan dengan memberikan kefahaman kepada umat Islam tentang ilmu yang asli dan juga olahan yang mereka buat daripada warisan tamadun yang terdahulu dalam perubatan, falsafah, fisik, kimia dan seterusnya akan menjadikan kehidupan Muslimin ada keseimbangan antara duniawi dan uukhrawi.

1. Beliau telah membuat perbezaan antara akal nazari yang mana dengan membuat teori-teori dan akal tajribi yang mahir melalui percubaan-percubaan dalam hidup. Dengan akal tamyizi yang cekap boleh membezakan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain.
2. Beliau berbicara bagaimana cara berfikir yang bermatlamat dengan membawa contoh apabila seseorang itu berusaha untuk mengadakan bumbung atau atap rumah untuk perlindungan daripada panas dan hujan. Beliau menyatakan bila seseorang itu berfikir tentang bumbung dia juga akan terfikir bahawa sebelum bumbung itu dibuat maka perlulah ada tiang dahulu dan dinding di mana bumbung itu boleh diletakkan di atasnya. Bila siap dinding dan tiang baharulah difikirkan bumbung. Tetapi sebelum ada tiang dan dinding mestilah ada dasarnya dahulu. Maka perlulah difikirkan tentang lantai atau dasarnya, ini memerlukan tempat untuk membina tiang dan dinding. Dengan itu mestilah lantai atau tanah itu diusahakan dahulu, diikuti dinding dan tiangnya, kemudian baharulah bumbungnya. Itu yang sebenarnya tertib yang betul. Ini dinamakan berfikiran mengikut matlamat, itulah berfikir orang yang berjaya.
3. Beliau menyebutkan bagaimana ada seseorang itu boleh berfikir sampai tiga, empat dan lima tahap. Demikian seterusnya dengan melihat mata-rantai perkara-perkara yang berkaitan, sampai kepada natijahnya. Semakin banyak tahap-tahap dalam berfikir yang boleh dijangkau oleh seseorang, semakin tinggi kemanusiaannya dan semakin sedikit tahap-tahap dalam berfikir. Maka pemikiran itu boleh lihat sebagai semakin rendah taraf kemanusiaannya. Maka melatih diri berfikir dengan cekap dan ke hadapan. Akan menjadikan seseorang itu dipandang mulia kedudukannya oleh masyarakat.

Kesimpulan

Memperkembangkan daya pemikiran pelajar bukanlah sesuatu idea yang baru tetapi telah menjadi matlamat penting dalam kebanyakan sistem pendidikan sejak awal lagi. Di negara kita selaras dengan falsafah pendidikan negara usaha meningkatkan kemahiran berfikir pelajar diketengahkan. Kearah mencapai matlamat ini dicadangkan P.A.D.I. (Peningkatan dan Asuhan Daya Intelek). Cadangan-cadangan dalam program ini agak mudah dilaksanakan kerana ia tidak membankan sangat guru-guru. Malah, mungkin terdapat guru-guru yang akan mengatakan pengajaran kemahiran berfikir memang sudah menjadi sebahagian pengajaran seharian mereka.

Bagi guru-guru lain pula adalah dicadangkan bahawa mereka mengkaji semula pendekatan cara pengajaran yang diamalkan setakat ini dan bagaimana kemahiran berfikir dapat dilahirkan. Kejayaan program ini bergantung kepada keinginan guru mencuba idea-idea yang dicadangkan. P.A.D.I. mencadangkan bahawa pengajaran kemahiran berfikir bermula dengan isi mata pelajaran iaitu isi yang terkandung dalam buku teks. Bagaimana pun guru digalakkan menggunakan bahan-bahan lain seperti petikan akhbar dan majalah, sajak, lirik lagu, gambar, pita video dan sebagainya yang dapat menjadi bahan rangsangan untuk memperkembangkan daya pemikiran pelajar. Ia juga akan

mendorong para pelajar supaya lebih bersedia mengambil risiko, akan meninggikan estim dan kemerdekaan diri pelajar-pelajar. Oleh kerana belajar terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan sikap, maka kemahiran berfikir adalah sama pentingnya dengan kemahiran belajar.

Bibliografi

- Beyer, B.K. (1992). *Practical Strategies for the Teaching of Thinking*. London: Allyn and Bacon, Inc.
- Dewey, J. (1993). *How we think: A restatement of the relation of reflective thinking to the educative process*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Krathwohl, D.R., Bloom, B.S., and Masia, B.B., (1964). Taxonomy of Educational Objectives: The classification of Educational Goals. Handbook II: Affective Domain. New York: David McKay.
- Lambright, L. (1995). *Creating a dialogue Socratic Seminars and educational reform*. *Community College Journal*, 65, 30-34.
- Papert, S. (1971). *Teaching Children Thinking*. Cambridge, MA: A.I. Laboratory M.I.T.
- Phillips, J.A. (1992). *Metacognitive training for helping poor readers in the content areas*, *Jurnal Pembacaan*, Jilid 1, Bil. 1:11-17.
- Polya, G. (1965). *Mathematical Discovery (Vol.2)*. New York: Wiley.
- Prof Madya Aminuddin RuskamAl-Dawamy (2003). *Modul Tarikh Tasyi' Program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shermis, S.S (1999). *Critical Thinking: Helping students learn reflectively*. Bloomington, Indiana: Phi Delta Kappa Educational Foundation.
- Weast, D. (1996). *Alternative teaching strategies: The case for critical thinking*. *Teaching Sociology*, 24, 189-194.

Abd. Halim bin Zulkifli
Ahmad Kilani bin Mohamed
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
&
Normala binti Hashim
Fakulti Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai
Johor Darul Takzim
[Tel:07-5535061](tel:07-5535061)
Fax: 075535101
Mel-E: kilani@utm.my

